Pelita Brunei
Hujung Minggu
Membudayakan Masyarakat Bermaklumat
AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

ڤتيقن تيته

**PETIKAN TITAH**

"OLEH itu sebelum terlambat, umat Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam ini, mustahaklah memuhasabah diri, di mana kita ini yang sebenarnya? Di persimpangan mana? Dan di mana kita dengan isu-isu dalaman dan isu-isu global? "
- Titah Sempena Awal Tahun Hijrah 1440.

مانيسڽ ايمان

**MANISNYA IMAN**

"DAN janganlah engkau membazir (membelanjakan hartamu pada jalan yang menyalahi syarak)".
- Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah al-Israa', ayat 26.

**Waktu Sembahyang**

| IMSAK | SUBUH | SYURUK | DUHA | ZUHUR | ASAR | MAGHRIB | ISYAK |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 4.43 | 4.53 | 6.16 | 6.40 | 12.12 | 3.34 | 6.07 | 7.21 |

Daerah Belait ditambah 3 Minit dan Daerah Tutong ditambah 1 Minit

TAHUN 64 / BILANGAN 146 | 7 DISEMBER 2019 / 1441 ربيع الأخير 10 | JABATAN PENERANGAN | EDISI SABTU / PERCUMA

IKUTI KAMI DI

APLIKASI MUDAH ALIH
InfoDeptBN

Jabatan Penerangan
Jabatan Perdana Menteri
Brunei Darussalam

infodept.bn
infodept_bn



SKUAD Polo negara beraksi cemerlang
Muka 8



HUBUNGAN Brunei - Thailand terus diperkukuh
Muka 12



PELAJAR Program Curahan Ilmu lulus cemerlang PSR
Muka 19




KAMPUNG Sungai Bunga promosi pemprosesan produk kacang soya
Muka 22

# Jadikan Al-Quran sebagai teman



**Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani**
**Foto : Mohamad Azmi Awang Damit, Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah, Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Khamis, 5 Disember. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah menekankan agar menjadikan Al-Quran sebagai teman rapat bagi kita dan janganlah berenggang darinya.

Baginda bertitah, barang siapa yang menjadikan Al-Quran sebagai temannya, orang itu akan beroleh keselamatan di dunia dan di akhirat.

"Menjadikan Al-Quran itu teman, bukanlah dengan menggendong naskhahnya, tetapi membacanya, mempelajari dan mengamalkan segala ajarannya," titah baginda pada Majlis Penguniaan Hadiah Musabaqah Tilawatil Al-Quran Belia Asia Tenggara Ke-9, Tahun 1441 Hijrah bersamaan 2019 Masihi berlangsung di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa, di sini.

Terdahulu, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah, dalam era penuh pancaroba ini, Al-Quran memainkan peranan untuk menyuluh semua kegelapan.

Ke muka 3

**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menguniakan titah pada Majlis Penguniaan Hadiah Musabaqah Tilawatil Quran Belia Asia Tenggara (MTQBAT) Ke-9, Tahun 1441 Hijarh / 2019 Masihi. - Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman *(Lihat muka 3 hingga 5)*.**

# Jangan mengeksploitasi pengguna atau pelanggan

**Berita dan Foto : Ak. Syi'aruddin Pg. Dauddin**

**BERAKAS**, Khamis, 5 Disember. - Penilaian pasaran harta tanah tidaklah boleh dianggap sebagai cara untuk memaksimumkan keuntungan, sama ada kepada para pemaju atau pendapatan seseorang ejen harta tanah ataupun para penilai dan institusi kewangan dengan mengeksploitasi golongan pengguna atau pelanggan.

Perkara tersebut dijelaskan oleh Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Ir. Awang Haji Suhaimi bin Haji Gafar semasa menyampaikan ucapannya selaku tetamu kehormat pada Majlis Penyampaian Sijil Lantikan Keahlian BoVEA, Penyampaian Sijil Pendaftaran dan Amalan; juga Majlis Pelancaran Laman Sesawang BoVEA, yang berlangsung di Dewan Betabur, Bangunan Kementerian Pembangunan, di sini.

Ke muka 13

# Bentuk insan yang menghayati, menjiwai Al-Quran



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri berkenan mengurniakan sabda pada Majlis Pembukaan Rasmi Musabaqah Tilawatil Quran Belia Asia Tenggara Ke-9, Tahun 1441 Hijrah bersamaan 2019 Masihi pada Selasa (Malam Rabu), 7 Rabiulakhir 1441 Hijrah / 3 Disember 2019 Masihi di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

**Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh**
**Bismillaahir Rahmaanir Raheem**
**Alhamdulillah Rabbil 'Alameen, Wassalaatu' Wassalaamu 'Ala Asyarafil Mursaleen, Sayyidina Muhammaddin, Wa'alaa Aalihee Wasahbihee Ajma'een, Waba'du.**

**SYUKUR** ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala di atas izin serta rahmat-Nya jua, dapatlah kita berhimpun hadir dalam Majlis Musabaqah Tilawatil Quran Belia Asia Tenggara Ke-9 bagi Tahun 1441 Hijrah bersamaan 2019 Masihi.

Alhamdulillah, selaras dengan hasrat murni paduka ayahanda serta dukungan berterusan negara ini terhadap penganjuran Musabaqah Belia sebagai platform bagi menyatukan belia Asia Tenggara dari berbagai latar belakang sosiobudaya ke arah memperkukuhkan syiar Islam dengan memartabatkan Kitab Suci Al-Quran.

Musabaqah ini adalah peluang keemasan kepada para belia rantau Asia Tenggara untuk saling memperbaharui semangat perpaduan dan ukhuwah yang sedia terjalin di samping mempertingkatkan lagi interaksi rakyat dengan rakyat sebagai teras kepada hubungan harmoni di antara penduduk serantau yang berbilang bangsa dan agama.

Berpegang kepada matlamat yang sama, iaitu melahirkan lebih ramai generasi belia yang menjadikan pembacaan dan pengajian Al-Quran sebagai amalan lazim terutama ke arah membentuk generasi insan yang benar-benar menghayati dan menjiwai kitab suci Al-Quran sebagai sumber panduan hidup yang syumul.

Perkara ini selaras dengan tuntutan umat Islam dan seluruh umat manusia untuk mengkaji isi kandungan Al-Quran dengan mengamati ayat, ilmu dan rahsia yang tersirat di dalamnya sepertimana mafhum Surah Shad, ayat 29 :

"*(Al-Quran ini) sebuah kitab yang Kami turunkan kepadamu (wahai Muhammad), kitab yang banyak faedah dan manfaatnya, untuk mereka memahami dengan teliti kandungan ayat-ayatnya dan untuk orang yang berakal sempurna beringat mengambil iktibar*".

Golongan belia adalah memainkan peranan utama dalam mencorakkan calak kemajuan masa depan rantau ini yang berlatarbelakangkan kepada berbagai cabaran dibawa oleh arus globalisasi termasuk kecanggihan teknologi infokomunikasi semasa.

Ke arah itu, musabaqah ini adalah juga dihasratkan menjadi wadah untuk membentuk keperibadian belia yang lebih baik, holistik dan menyeluruh selaras dengan titah ingatan paduka ayahanda supaya golongan belia perlu lebih bijak dan berhati-hati dalam menilai dan memilih perubahan yang mereka hadapi agar tidak mudah terjerumus dalam melaksanakan sesuatu perkara yang dilarang oleh Allah Subhanahu Wata'ala.

Dengan demikian, adalah wajar bagi golongan belia Muslimin di rantau ini sentiasa disemai dengan nilai-nilai luhur sebagai generasi pewaris untuk menyuburkan zaman keemasan tamadun Islam khasnya dalam menyebarkan kebaikan serta kerahmatan ajaran ugama Islam kepada seluruh umat manusia.

Seperkara yang menjadi kepentingan bersama ialah untuk meneruskan usaha bersepadu agar setiap belia sentiasa dibekalkan dengan keperibadian yang lengkap kerana masa depan kita sememangnya bergantung kepada belia yang berakhlak dan siap siaga untuk memajukan diri, masyarakat dan ummah secara keseluruhannya.

Justeru, besarlah harapan saya bagi Musabaqah Belia ini akan terus dipertingkatkan ke arah mendekatkan lebih ramai belia Muslimin Asia Tenggara kepada Al-Quran. Setentunya, penghayatan kepada dasar dan ajaran Kitab Suci Al-Quran adalah elemen yang akan terus menjamin keamanan, kesejahteraan dan kemakmuran kita bersama.

Dalam hal ini, titah paduka ayahanda pada Majlis Sambutan Hari Perkhidmatan Awam 2019 mengenai 'Amanah', iaitu "Amanah adalah wajib diamalkan" dan "Amanah adalah 'tiang seri' keadilan" yang sepatutnya dijadikan pegangan kehidupan.

Dengan demikian, belia-belia hendaklah mempersiapkan diri masing-masing ke arah memikul tanggungjawab sebagai pewaris bangsa dan negara. Sifat amanah yang dimiliki dan dipraktikkan akan membawa berkat sepertimana jua amalan melazimkan diri untuk membaca Al-Quran dan mengamati maksudnya yang tersirat.

Di sinilah peranan signifikan bilamana golongan belia yang beramanah akan seterusnya menegakkan keadilan dalam setiap aspek kehidupan dan amalan.

Akhir kata, dengan lafaz kalimah *Bismillah Hir Rahman Nir Rahiim*, selawat serta salam ke atas Junjungan Besar kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, maka saya dengan sukacitanya merasmikan Musabaqah Tilawatil Quran Belia Asia Tenggara Ke-9 bagi Tahun 1441 Hijrah bersamaan 2019 Masihi.

Sekian, *Wabillahit Taufiq Walhidayah, Wassalamu 'Alaikum Warahmatullaahi Wabarakaatuh.*

## Dari Sidang Pengarang.

7 DISEMBER 2019 BERSAMAAN 1441 10 ربيع الأخير

### MEMPERKASA WARGA OKU

**BERSEMPENA** Hari Antarabangsa Orang Kelainan Upaya (OKU), marilah kita sama-sama meraikan pencapaian OKU dalam perkembangan masyarakat dari aspek penglibatan dan kemajuan di dalam bidang sosial, ekonomi dan juga budaya. Alhamdulillah negara kita juga melibatkan banyak acara untuk meraikan hari ini termasuk Doa Kesyukuran, ceramah motivasi dan forum. Dengan ini dapat dirasakan bahawa negara kita sentiasa mementingkan kesejahteraan dan kebajikan warga OKU dengan berusaha dan mendorong untuk melibatkan mereka dalam semua aspek seperti pekerjaan, pendidikan dan masyarakat.

Banyak pencapaian dan penglibatan warga OKU di negara yang perlu kita tahu dan banggakan terutama sekali dalam pencapaian atlet-atlet sukan para di luar negara yang amat membanggakan, seperti kejayaan memperoleh pingat emas pada Kejohanan World Para Bowling Tour 2019 di Filipina pada 14 - 21 November 2019 dan memperoleh empat pingat di Temasya Sukan Arafura, Australia pada bulan April 2019. Selain itu, penglibatan dalam industri kreatif seperti melibatkan diri dalam mengadakan pameran seni lukis dan sebagainya.

Di sini terbukti kemampuan warga OKU ini perlulah selalu dihargai dan didorong agar dapat menambah semangat dan meningkatkan kualiti hidup mereka dan menyumbang kepada pembangunan masyarakat. Kita hendaklah tidak menafikan hak golongan ini dan tetap memberikan kasih sayang dan keadilan buat mereka. Oleh itu, marilah kita sama-sama berganding bahu dalam penyediaan lebih banyak platform dan peluang yang bermakna kepada golongan OKU dalam pembangunan negara, terutamanya penglibatan mereka dalam alam pekerjaan.

Marilah kita sama-sama meraikan dan menghargai sumbangan golongan OKU di negara ini kerana mereka juga merupakan aset yang amat bernilai bagi mencapai kemajuan ekonomi, kesejahteraan keluarga, sosial dan kemakmuran negara dalam mencapai Wawasan Brunei 2035. Kita hendaklah selalu memastikan golongan OKU diberikan peluang kesaksamaan dalam semua aspek kehidupan sama seperti anggota masyarakat yang lain.

Selamat Menyambut Hari Antarabangsa OKU kepada golongan OKU, para ibu bapa dan penjaga-penjaga, Persatuan-persatuan OKU, juga para sukarelawan yang sentiasa mendukung golongan OKU di Negara Brunei Darussalam. - **Ketua Penyuntingan (Ki).**

## RAMALAN CUACA 3 HARI

| | SABTU | AHAD | ISNIN |
|---|---|---|---|
| BANDAR SERI BEGAWAN | 30 / 24 °C | 30 / 24 °C | 30 / 25 °C |
| PEKAN BANGAR | 29 / 24 °C | 30 / 24 °C | 30 / 24 °C |
| PEKAN TUTONG | 30 / 24 °C | 30 / 24 °C | 30 / 25 °C |
| KUALA BELAIT | 30 / 24 °C | 30 / 24 °C | 30 / 24 °C |

Wallahualam Bissawab Jabatan Kajicuaca Brunei Darussalam www.met.gov.bn
Talian Cuaca 114
Brunei WX App

## WAKTU SEMBAHYANG

*firman Allah Ta'ala dalam Surah Al-Ankabut, ayat 45, bermaksud:*
*"...dan dirikanlah sembahyang sesungguhnya sembahyang itu mencegah daripada fasya' dan mungkar."*

| Masihi DISEMBER | HARI | Hijrah RABIULAKHIR | IMSAK | SUBUH | SYURUK | DUHA | ZUHUR | ASAR | MAGHRIB | ISYAK |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 7 | SABTU | 10 | 4.43 | 4.53 | 6.16 | 6.40 | 12.12 | 3.34 | 6.07 | 7.21 |
| 8 | AHAD | 11 | 4.43 | 4.53 | 6.16 | 6.40 | 12.13 | 3.35 | 6.07 | 7.22 |
| 9 | ISNIN | 12 | 4.44 | 4.54 | 6.17 | 6.41 | 12.13 | 3.35 | 6.08 | 7.22 |
| 10 | SELASA | 13 | 4.44 | 4.54 | 6.17 | 6.41 | 12.14 | 3.36 | 6.08 | 7.23 |
| 11 | RABU | 14 | 4.44 | 4.54 | 6.18 | 6.42 | 12.14 | 3.36 | 6.08 | 7.23 |
| 12 | KHAMIS | 15 | 4.45 | 4.55 | 6.18 | 6.42 | 12.15 | 3.36 | 6.09 | 7.24 |
| 13 | JUMAAT | 16 | 4.45 | 4.55 | 6.19 | 6.43 | 12.15 | 3.37 | 6.09 | 7.24 |

Daerah Brunei Muara & Temburong. Peringatan: Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

TALIAN KECEMASAN
AMBULANS 991 | POLIS 993 | BOMBA 995 | PENYELAMAT 998
(Talian Darussalam) JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK JABATAN PENGANGKUTAN DARAT. KEMENTERIAN PEMBANGUNAN DAN e-darussalam 123
NDMC 2380214

# Jadikan Al-Quran sebagai teman

Dari muka 1

Dengan Al-Quran titah baginda, penyakit-penyakit zaman boleh terubat, andainya manusia mahu. Tetapi sayang bukan semua orang mahu menghampiri Al-Quran, kerana itulah penyakit ini belum lagi terubat.

Kebawah DYMM bertitah, namun kita orang-orang Islam tidaklah perlu menunggu seluruh dunia berminat kepada Al-Quran. Tetapi yang penting, kita jangan lambat merawat persekitaran kita sendiri dengan Al-Quran.

Baginda bertitah, zaman kita akan sihat dan gemilang, jika kita bersedia merawat diri dan keadaan dengan Al-Quran.

"Lebih diperlukan di sini ialah peranan para belia. Kerana merekalah suara zaman yang lantang untuk menyuarakan segala harapan. Suara itu pastinya akan didengar oleh semua peringkat dalam apa jua keadaan," titah baginda.

Kebawah DYMM seterusnya bertitah, belia harapan bukanlah kerana namanya 'belia', tetapi harapan di sini ialah tonggak untuk membawa perubahan-perubahan besar kepada masyarakat, termasuk merubah gaya dan budaya yang tidak baik kepada yang baik atau lebih baik.

Titah baginda, semua ini boleh dicapai dengan bersuluh atau berpandu kepada Al-Quran.

"Inilah hebatnya Al-Quran itu sebagai penunjuk jalan untuk kita sampai kepada kesempurnaan. Al-Quranlah pelita sepanjang zaman. Ialah cahaya yang menerangi kehidupan," titah baginda.

Oleh itu, baginda menaruh harapan, supaya kita akan terus melahirkan lebih ramai para belia yang mesra Al-Quran, sama ada melalui usaha-usaha persendirian mahupun menerusi Musabaqah Tilawatil Al-Quran Belia Asia Tenggara ini.

Dalam titah Kebawah DYMM juga merakamkan ucapan tahniah kepada para pemenang Musabaqah Tilawatil Al-Quran Belia Asia Tenggara Ke-9 serta sekalian peserta yang turut mengambil bahagian bagi menyemarakkan lagi semangat kesatuan mengagungkan Kitab Suci Al-Quran.

Baginda bertitah sangat teruja dengan matlamat Musabaqah ke arah membentuk generasi belia yang menghayati Al-Quran.

Dengan menghayati Al-Quran titah baginda, insyaaAllah, para belia akan beroleh penghidupan yang baik lagi berkat, sempurna keperibadian dan akhlak.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan titah pada Majlis Pengurniaan Hadiah Musabaqah Tilawatil Quran Belia Asia Tenggara (MTQBAT) Ke-9, Tahun 1441 Hijrah / 2019 Masihi.

# Berangkat menyempurnakan Pengurniaan Hadiah MTQBAT



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersama paduka-paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri; dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik berkenan menerima junjung ziarah sejurus berangkat tiba ke Majlis Pengurniaan Hadiah MTQBAT Ke-9, Tahun 1441 Hijrah / 2019 Masihi.

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Mohamad Azmi Awang Damit, Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah, Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 5 Disember. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke Majlis Pengurniaan Hadiah Musabaqah Tilawatil Quran Belia Asia Tenggara (MTQBAT) Ke-9, Tahun 1441 Hijrah / 2019 Masihi.

Berangkat sama paduka-paduka anakanda Kebawah Duli Yang Maha Mulia, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri; dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik.

Keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia berserta Kerabat Diraja dijunjung oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin, dan Menteri Hal Ehwal Ugama selaku Pengerusi Bersama Jawatankuasa Tertinggi MTQBAT Ke-9, Tahun 1441 Hijrah / 2019 Masihi, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman.

Terdahulu, Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan dalam sembah alu-aluannya antara lain menyembahkan MTQBAT terus berperanan sebagai jambatan penghubung dalam mempererat silaturahim yang sudah sedia terjalin antara warga Asia Tenggara.

Yang Berhormat seterusnya menyembahkan, manifestasi keakraban negara-negara serantau selaku satu komuniti yang bersatu hati dan saling memberi dukungan dalam inisiatif-inisiatif yang memberikan impak yang besar.

Sembah Yang Berhormat lagi, MTQBAT bermatlamat, bukan sahaja untuk bertanding semata-mata, malah ia dilihat sebagai salah satu inisiatif yang efektif untuk menyebarkan Tarbiyah Islam dan menyatukan Ummah dan Ukhuwah Belia Asia Tenggara.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah yang dipimpin oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Dr. Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned.

Pada majlis tersebut, Kebawah DYMM berkenan mengurniakan titah dan kemudian dijunjung menyempurnakan penganugerahan hadiah-hadiah dan cenderamata kepada Johan Qari dan Johan Qariah juga para peserta, hakim-hakim dan qari.

Ke muka 4



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersama paduka-paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah; dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik berkenan bergambar ramai bersama para peserta pada Majlis Pengurniaan Hadiah Musabaqah Tilawatil Quran Belia Asia Tenggara (MTQBAT) Ke-9, Tahun 1441 Hijrah / 2019 Masihi.

Dari muka 3

Dengan mengutip markah 89.49 peratus, johan qari dimenangi oleh Kamaruddin G. Zaidon dari Republik Filipina, johan membawa pulang piala pusingan kurnia Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, hadiah iringan, sijil penyertaan dan wang tunai BND5,000.

Manakala tempat kedua dimenangi oleh Hadi bin Mohd Sharkawi dari Malaysia mengutip markah 87.86 peratus membawa pulang wang tunai BND4,000, sijil penyertaan dan hadiah iringan dan tempat ketiga dimenangi oleh peserta Negara Brunei Darussalam, Abdull Mu'in bin Haji Abd. Hamid membawa pulang wang tunai BND3,000, hadiah iringan dan sijil penyertaan.

Sementara itu, johan qariah diraih oleh Negara Brunei Darussalam, Dayangku Siti Ummi Syazana binti Pengiran Haji Marjuki memperoleh markah 91.57 peratus membawa pulang piala pusingan kurnia Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, hadiah iringan, sijil penyertaan dan wang tunai BND5,000.

Manakala tempat kedua dimenangi oleh qariah dari Republik Singapura, A'tiiqah binti Suhaimi dengan memperoleh markah 90 peratus membawa pulang wang tunai BND4,000, sijil penyertaan dan hadiah iringan dan tempat ketiga dimenangi oleh Nurul Husna binti Sharif dari Malaysia membawa pulang wang tunai BND3000, hadiah iringan dan sijil penyertaan.

Pengumuman keputusan musabaqah berkenaan diumumkan oleh Pengerusi Jemaah Hakim, Awang Haji Abdul Rajid bin Haji Mohd. Salleh.

Ke muka 5



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan hadiah kepada johan qari, Kamaruddin G. Zaidon dari Republik Filipina dengan mengutip markah 89.49 peratus, yang membawa pulang piala pusingan kurnia baginda, hadiah iringan, sijil penyertaan dan wang tunai BND5,000.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia berkenan mengurniakan hadiah kepada johan qariah, Dayangku Siti Ummi Syazana binti Pengiran Haji Marjuki dari Negara Brunei Darussalam, yang memperoleh markah 91.57 peratus, membawa pulang piala pusingan kurnia baginda, hadiah iringan, sijil penyertaan dan wang tunai BND5,000.



BARISAN Jemaah Hakim dan para peserta pada Majlis Pengurniaan Hadiah MTQBAT Ke-9, Tahun 1441 Hijrah / 2019 Masihi.





PERSEMBAHAN bacaan Ayat-ayat Suci Al-Quran daripada johan qari, Kamaruddin G. Zaidon dari Republik Filipina dan johan qariah, Dayangku Siti Ummi Syazana binti Pengiran Haji Marjuki dari Negara Brunei Darussalam pada Majlis Pengurniaan Hadiah MTQBAT Ke-9, Tahun 1441 Hijrah / 2019 Masihi tersebut (kiri dan kanan).





**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersama paduka-paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah; dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik berkenan berangkat ke Majlis Pengurniaan Hadiah Musabaqah Tilawatil Quran Belia Asia Tenggara (MTQBAT) Ke-9, Tahun 1441 Hijrah / 2019 Masihi (atas), sementara gambar atas kanan, Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan paduka-paduka anakanda baginda berkenan mengabadikan gambar bersama yang hadir pada majlis tersebut.**

**Dari muka 4**

Majlis turut diserikan dengan persembahan bacaan Al-Quran daripada johan qari dan qariah. Bagi memberkati majlis, Doa Selamat dibacakan oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned.

Sebelum berangkat balik, Kebawah DYMM berkenan beramah mesra dan menerima junjung ziarah daripada Johan Qari dan Johan Qariah juga para peserta MTQBAT, Tahun 1441 Hijrah / 2019 Masihi.



**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersama paduka-paduka anakanda baginda, DYTM Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah; dan DYTM Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik berkenan menerima junjung ziarah daripada kanak-kanak yang hadir pada Majlis Pengurniaan Hadiah MTQBAT Ke-9, Tahun 1441 Hijrah / 2019 Masihi berkenaan.**



**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia bersama paduka-paduka anakanda baginda, DYTM Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah; dan DYTM Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik berkenan berangkat meninggalkan Majlis Pengurniaan Hadiah MTQBAT Ke-9, Tahun 1441 Hijrah / 2019 Masihi berkenaan.**



**MUFTI Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned ketika membacakan Doa Selamat pada majlis berkenaan.**



**PENGUMUMAN keputusan musabaqah berkenaan diumumkan oleh Pengerusi Jemaah Hakim, Awang Haji Abdul Rajid bin Haji Mohd. Salleh.**



**ANTARA yang hadir menadah tangan ketika Doa Selamat dibacakan pada pada Majlis Pengurniaan Hadiah MTQBAT Ke-9, Tahun 1441 Hijrah / 2019 Masihi tersebut.**

# Perutusan tahniah sempena Hari Kebangsaan Thailand





KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menghantar titah-titah perutusan tahniah kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia King Maha Vajiralongkorn Phra Vajiraklaochaoyuhua, Raja Thailand dan Perdana Menteri Thailand, Tuan Yang Terutama General Prayuth Chan-o-cha (Bersara), kerajaan dan kepada rakyat Thailand bersempena dengan Hari Kebangsaan negara Thailand.

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Khamis, 5 Disember. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menghantar titah-titah perutusan tahniah kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia King Maha Vajiralongkorn Phra Vajiraklaochaoyuhua, Raja Thailand dan Perdana Menteri Thailand, Tuan Yang Terutama General Prayuth Chan-o-cha (Bersara), kerajaan dan kepada rakyat Thailand bersempena dengan Hari Kebangsaan negara tersebut.

Di dalam titah perutusan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia King Maha Vajiralongkorn Phra Vajiraklaochaoyuhua, Raja Thailand, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam amat menghargai hubungan yang bernilai yang sekian lama wujud di antara kedua-dua buah negara yang banyak membawa kemanfaatan kerjasama di pelbagai bidang, dan berharap untuk terus memperkukuhkan lagi persahabatan yang sangat penting dan berharga ini bagi kepentingan kedua-dua buah negara dan rantau ini.

Sementara dalam titah perutusan kepada Tuan Yang Terutama Perdana Menteri Thailand, Kebawah Duli Yang Maha Mulia sangat menghargai kerjasama dan persahabatan yang sekian lama terjalin di antara kedua-dua buah negara, dan berharap dapat mengukuhkan persahabatan yang sangat bernilai ini, baik di peringkat dua hala dan sebagai rakan dalam ASEAN.

Baginda seterusnya mengucapkan tahniah kepada Tuan Yang Terutama di atas kejayaan Thailand mempengerusikan Sidang Kemuncak ASEAN, dan seterusnya mengucapkan terima kasih di atas layanan yang baik yang diberikan kepada baginda dan ahli rombongan semasa menghadiri mesyuarat berkenaan.

Pada mengakhiri titah-titah perutusan tersebut, Kebawah Duli Yang Maha Mulia menyampaikan salam muhibah kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia King Maha Vajiralongkorn Phra Vajiraklaochaoyuhua, Raja Thailand, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Queen Suthida serta kerabat diraja, dan semoga baginda berdua sentiasa berada dalam kegembiraan dan kesihatan yang berpanjangan.

Begitu juga kepada Perdana Menteri Thailand dan Madam Naraporn serta rakyat Negara Thailand berada dalam kegembiraan pada menyambut hari perayaan tersebut.

# Lebih 80 sertai Pertandingan Memanah



YANG Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman berkenan menyertai Kategori Individual Recurve Female dan Team Recurve Mix pada Pertandingan Memanah Piala Persatuan Memanah Negara Brunei Darussalam (BDAA Trophy) 2019.



YANG Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah bersama anakanda-anakanda YTM, Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Muneerah Madhul Bolkiah binti Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah; dan Yang Teramat Mulia Pengiran Muda Muhammad Aiman ibni Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah berkenan berangkat pada BDAA Trophy 2019.

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

**JERUDONG,** Jumaat, 6 Disember. - Pertandingan Memanah Piala Persatuan Memanah Negara Brunei Darussalam (BDAA Trophy) 2019 menerima lebih 80 penyertaan daripada belia-belia tempatan.

Berkenan berangkat menyertai pertandingan tersebut ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman.

Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah berkenan menyertai Kategori Individual Recurve Female dan Team Recurve Mix.

Keberangkatan tiba Yang Teramat Mulia di Kompleks Sukan Jerudong dijunjung oleh Presiden BDAA, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Lela Pahlawan Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Mohammad Jaafar bin Haji Abdul Aziz dan Timbalan Setiausaha Tetap (Kebudayaan), Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan (KKBS), Dr. Siti Norkhalbi binti Haji Wahsalfelah.

Berangkat sama, anakanda-anakanda YTM, Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Muneerah Madhul Bolkiah binti Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah; Yang Teramat Mulia Pengiran Muda Muhammad Aiman ibni Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah serta kerabat diraja yang lain.

Terdahulu, Presiden BDAA dalam ucapannya pada Majlis Pelancaran Laman Web Rasmi persatuan berkenaan berkata, dengan adanya laman web tersebut, ia akan dapat mempermudahkan pelbagai hebahan kepada orang ramai tentang Persatuan Memanah, di samping menonjolkan paparan maklumat terkini, sekali gus menyimpan bahan-bahan arkib yang ingin dijadikan rujukan.

Selain itu, Yang Dimuliakan Pehin juga turut mengingatkan agar mana-mana kelab yang ingin menjalankan aktiviti sukan memanah adalah dikehendaki untuk bernaung terlebih dahulu di bawah Persatuan BDAA dan melaksanakan serta mematuhi syarat-syarat dan juga garis pandu yang telah ditetapkan oleh pihak persatuan.

Majlis kemudian diteruskan dengan Pelancaran Laman Web BDAA oleh Presiden BDAA serta Penyampaian Medal 'Ranking' bagi persatuan tersebut.

Pada majlis tersebut, Presiden BDAA juga menyempurnakan Pembukaan Rasmi BDAA Trophy 2019 di Lapang Sasar Memanah, kompleks sukan berkenaan.

Pertandingan yang berlangsung selama tiga hari itu mengetengahkan 11 kategori terdiri daripada Individual Traditional Male; Individual Traditional Female; Individual Traditional Dynamic; Individual Recurve Male; Individual Recurve Female; Individual Recurve Beginner; Individual Compound Open; Team Mix; Team Recurve Mix; Team Traditional Mix dan Traditional Demo.

Antara tujuan pertandingan adalah untuk meningkatkan sukan memanah di Negara Brunei Darussalam sekali gus mencari bakat-bakat muda yang mahir dalam sukan memanah yang dapat dijadikan atlet untuk mewakili persatuan dan juga negara dalam mana-mana pertandingan memanah di peringkat antarabangsa.

# Tewas di tangan Malaysia



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah berkenan berangkat menyaksikan perlawanan kedua Sukan Polo Negara Brunei Darussalam bagi Divisyen B *low goals* (0 - 2) menentang Malaysia.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuara Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien selaku Presiden Majlis Olimpik Kebangsaan Negara Brunei Darussalam bersama Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien berkenan mengabadikan gambar bersama skuad Polo negara pada perlawanan kedua Sukan Polo bagi Divisyen B *low goals* (0 - 2) pada Temasya Sukan SEA Kali Ke-30.

Oleh : Haji Ahmad bin Haji Salim
Foto : Hamzah Mohidin

**CALATAGAN, REPUBLIK FILIPINA,** Jumaat, 6 Disember. - Skuad Polo Negara Brunei Darussalam terpaksa akur apabila tewas di tangan skuad Malaysia dengan jaringan 8 - 3 pada perlawanan kedua Sukan Polo bagi Divisyen B *low goals* (0 - 2) pada Temasya Sukan Asia Tenggara (Sukan SEA) Kali Ke-30, Republik Filipina 2019 yang berlangsung di Miguel Romero Polo Field, di sini.

Pada permulaan perlawanan chaka pertama, kedua-dua pasukan tidak berjaya menghasilkan sebarang jaringan, walaupun kedua-dua pasukan sering berbalas serangan ke kubu masing-masing.



ANTARA aksi Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah dan skuad Polo negara pada perlawanan berkenaan (atas dan bawah).



Apabila perlawanan bersambung setelah rehat di chaka pertama, skuad Malaysia mula mengubah rentak permainan dan berjaya membolos gawang skuad negara melalui Hasanan Rashid.

Pada chaka kedua, Hasanan Rashid menambah tiga gol lagi buat skuad Malaysia.

Ketinggalan tanpa jaringan di belakang, skuad negara menggandakan usaha memburu gol dan bangkit, seterusnya memecah kebuntuan apabila berjaya menembusi gawang Malaysia melalui Idris bin Sirat.

Namun, pada perlawanan chaka ketiga, pihak Malaysia mula berpesta gol apabila berjaya menambah dua gol dan menambah lagi dua jaringan pada chaka keempat.

Skuad negara tidak berputus asa, malahan melakukan serangan pantas hingga berjaya memperoleh dua gol melalui Abdullah Muhd. Farid, iaitu pada chaka ketiga dan keempat. Kedudukan berkenaan kekal hingga tamat perlawanan.

Skuad negara akan meneruskan perlawanan ketiga bertemu skuad tuan rumah, Republik Filipina pada Ahad ini.

Berangkat menyaksikan perlawanan tersebut ialah paduka-paduka anakanda dan adinda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuara Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah selaku Presiden Majlis Olimpik Kebangsaan Negara Brunei Darussalam; dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri 'Azemah Ni'matul Bolkiah.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien berkenan menyertai skuad polo negara pada perlawanan berkenaan.

Juga berangkat, Yang Amat Mulia Pengiran Muda Abdul Qawi ibni Duli yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah; dan Yang Amat Mulia Pengiran Muda Bahar ibni Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah.

PHILIPPINES 2019
30TH SEA GAMES



JUGA berangkat menyaksikan, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri 'Azemah Ni'matul Bolkiah binti Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah; Yang Amat Mulia Pengiran Muda Abdul Qawi ibni Duli yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah; dan Yang Amat Mulia Pengiran Muda Bahar ibni Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah.

Pelita BRUNEI

# Skuad Polo negara beraksi cemerlang





**DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah berangkat menyaksikan perlawanan Skuad Polo negara bagi Divisyen B *low goals (0 - 2)* bersama pasukan Indonesia (atas). Sementara gambar atas kanan, barisan pemain Polo negara bagi Divisyen B terdiri daripada Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Awang Idris bin Awang Sirat, Awang Farid bin Abdullah dan Awang Huzaimi Haji Mahari.**

**Oleh : Haji Ahmad Haji Salim**
**Foto : Hamzah Mohidin**

**CALATAGAN, REPUBLIK FILIPINA**, Khamis, 5 Disember. - Skuad Polo negara bagi Divisyen B *low goals* (0 - 2) memulakan perlawanan pertama dengan beraksi cemerlang dan langkah kanan menewaskan Indonesia dengan 8 berbalas 1, pada perlawanan yang berlangsung di Miguel Romero Polo Field, di sini.

Perlawanan yang dijadual bermula pada 3 Disember yang lalu telah ditunda dan dilangsungkan hari ini di sebabkan faktor-faktor keselamatan oleh pihak penganjuran Temasya Sukan SEA Kali Ke-30 Republik Filipina disebabkan berlakunya angin kencang yang melanda negara penganjuran Temasya Sukan SEA ini.

Berangkat menyaksikan perlawanan itu ialah paduka-paduka anakanda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri 'Azemah Ni'matul Bolkiah.

Juga berangkat ialah Yang Amat Mulia Pengiran Muda Abdul Qawi ibni Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah dan Yang Amat Mulia Pengiran Muda Bahar ibni Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Di-Gadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah.

Dalam perlawanan chaka pertama, skuad negara menunjukkan aksi dan pergerakan pentas yang begitu baik di minit-minit awal perlawanan sehingga mereka berjaya menjaring dua gol. Gol-gol itu dihasilkan Awang Idris bin Sirat dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien.

Dalam perlawanan chaka kedua, kedua-kedua pasukan sering melakukan serang balas, namun tidak menghasilkan sebarang gol, kerana permainan mereka agak seimbang dan berhati-hati, walaupun skuad negara diberikan pukulan penalti, tetapi dapat dihalang oleh pemain Indonesia di hadapan gawang mereka.

Dalam perlawanan chaka ketiga, corak permainan kedua-dua pihak berubah dengan aksi-aksi serang balas antara kedua-dua pasukan rentetan tidak menghasilkan sebarang gol dalam perlawanan chaka kedua. Pergerakan yang dilakukan oleh keempat-empat pemain negara telah berjaya memberikan tekanan pada lawan sehingga mereka berjaya merobek gawang Indonesia dengan menjaringkan sebanyak lima gol pada chaka ketiga ini. Gol-gol itu diperoleh melalui Awang Farid Abdullah sebanyak empat gol dan satu melalui Awang Idris bin Sirat.

Dalam chaka terakhir skuad negara bertindak garang dan sering melakukan serangan sehingga mereka menambah satu gol lagi. Namun pasukan Indonesia pada chaka ini mengubah taktik permainan dan melakukan serang sehingga mereka berjaya menembusi gawang skuad negara di minit-minit akhir perlawanan. Kedudukan 8 berbalas satu kekal sehingga tamat masa perlawanan.

Skuad negara akan meneruskan perlawanan dengan menentang Malaysia esok di tempat yang sama.

Barisan pemain polo negara bagi divisyen ini terdiri daripada Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah, Awang Idris bin Awang Sirat, Awang Farid bin Abdullah dan Awang Huzaimi Haji Mahari.

PHILIPPINES 2019
30TH SEA GAMES



**DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien mewakili Skuad Polo negara bagi Divisyen B *low goals* (0 - 2) pada Temasya Sukan SEA Kali Ke-30.**



**BERANGKAT menyaksikan perlawanan tersebut ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri 'Azemah Ni'matul Bolkiah binti Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah; dan Yang Amat Mulia Pengiran Muda Bahar ibni Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Di-Gadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah.**

# Skuad tenpin boling gagal mendapat tempat tiga teratas



**DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuara Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Presiden Majlis Olimpik Kebangsaan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat menyaksikan Perlawanan Akhir bagi Acara Beregu Lelaki dan Wanita (Men and Women Doubles Event) pada Temasya Sukan Asia Tenggara (Sukan SEA) Kali Ke-30 berlangsung di Coronado Lanes, Starmall EDSA, Manila.**

**MANILA, REPUBLIK FILIPINA**, Rabu, 4 Disember. - Skuad Tenpin Boling negara kurang bernasib baik setelah gagal mendapat tempat tiga teratas pada Perlawanan Akhir bagi Acara Beregu Lelaki dan Wanita (Men Doubles Event and Women Doubles Event) pada Temasya Sukan Asia Tenggara (Sukan SEA) Kali Ke-30 berlangsung di Coronado Lanes, Starmall EDSA, Manila, di sini.

Berangkat menyaksikan perlawanan tersebut, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuara Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Presiden Majlis Olimpik Kebangsaan Negara Brunei Darussalam.

Di sebelah pagi, skuad negara di wakili oleh dua pasukan beregu lelaki, iaitu Abu Khaledi Yussrri bin Abu Bakar dan Awangku Haziqquddin Shah Wardi bin Pengiran Anak Hishammuddin serta gandingan di antara Muhammad Al-Amin bin Haji Abdul Hamid dan Mohammad Faiz Dzuhairy bin Dzarfan.

Abu Khaledi Yussrri dan Awangku Haziqquddin Shah Wardi melakukan sebanyak 2,302 jatuhan pin sekaligus meletakkan mereka ditempat ke-11 daripada 15 pasukan.

Manakala, Muhammad Al-Amin dan Mohammad Faiz Dzuhairy pula melakarkan 2,197 jatuhan pin untuk menduduki di tempat ke-12.

Bagi acara Men Doubles Event, emas menjadi milik pasukan Indonesia dengan 2,592 jatuhan pin, pingat perak pula dimenangi gandingan Thailand yang melakar 2,564 jatuhan dan gangsa menjadi milik Malaysia dengan kiraan 2,556 jatuhan.

Sementara itu, acara Women Doubles Event, negara diwakili oleh gandingan Pengiran Nadia Nabila binti Pengiran Abu Samah dan Fatin Nur Ashikin binti Abu Bakar serta gandingan beregu Fatin Adilah binti Haji Mahadi dan Siti Hawa Mardhatillah Natasya bin Haji Ahmad Rafie.

PHILIPPINES 2019
30TH SEA GAMES

**Berita dan Foto : Aimi Sani**

Pengiran Nadia Nabila dan Fatin Nur Ashikin menduduki tempat Ke-11 daripada 14 pasukan, hasil himpunan 2,068 jatuhan pin.

Manakala gandingan Fatin Adilah dan Siti Hawa Mardhatillah Natasya pula mencatat sebanyak 2,054 jatuhan pin, sekali gus meletakkan mereka di tempat ke-12.

Bagi acara Women Doubles Event, Indonesia sekali lagi mendominasi pingat emas dengan himpunan 2,552 jatuhan pin, diikuti dengan pingat perak bagi Singapura (2,476 jatuhan pin) dan pingat gangsa buat Malaysia yang melakarkan sebanyak 2,458 jatuhan pin.

Skuad negara dijadualkan akan menghantar tiga pasukan untuk mengikuti Acara Beregu Campuran (Mixed Doubles) yang akan berlangsung di Coronado Lanes, Starmall EDSA.





**AKSI atlet Tenpin Boling Negara, Siti Hawa Mardhatillah Natasya bin Haji Ahmad Rafie (kiri) dan Pengiran Nadia Nabila binti Pengiran Abu Samah (kiri sekali) pada Temasya Sukan SEA Kali Ke-30.**





**MUHAMMAD Al-Amin bin Haji Abdul Hamid dan Mohammad Faiz Dzuhairy bin Dzarfan semasa beraksi pada perlawanan akhir bagi Acara Beregu Lelaki Tenpin Boling pada Temasya Sukan SEA Kali Ke-30 (kiri dan kanan).**

# Harapan atlet Lawan Pedang negara berkecai



BERANGKAT menyaksikan perlawanan Last 16 Acara Sabre Individu Wanita, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuara Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Presiden Majlis Olimpik Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (atas), sementara gambar kanan, aksi atlet Lawan Pedang negara menentang atlet Lawan Pedang Thailand. Manakala gambar bawah kanan, atlet Lawan Pedang negara, Hajah Anis Sabrina binti Haji Yahya semasa ditemu bual.



PHILIPPINES 2019
30TH SEA GAMES

**MANILA, REPUBLIK FILIPINA,** Khamis, 5 Disember. - Harapan atlet Lawan Pedang negara, Hajah Anis Sabrina binti Haji Yahya untuk mara ke peringkat suku akhir Temasya Sukan Asia Tenggara (Sukan SEA) Kali Ke-30, Filipina berkecai apabila terkandas pada perlawanan Last 16 Acara Sabre Individu Wanita yang berlangsung di Pusat Dagangan Dunia (World Trade Center - WTC), di sini.

Pada perlawanan tersebut, Hajah Anis Sabrina tewas kepada atlet Thailand, Tonpan Pokeaw, dengan mata 15 - 5.

Hajah Anis terdahulu menang menentang atlet Malaysia, Tai Natania dengan kiraan 5 - 4, sekali gus meletakkan beliau untuk mara ke peringkat Last 16.

Berangkat menyaksikan perlawanan tersebut, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuara Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Presiden Majlis Olimpik Kebangsaan Negara Brunei Darussalam.

Hajah Anis ketika ditemui mengenai pertandingan secara keseluruhan hari ini berkata, beliau amat berbangga kerana dapat mewakili negara melalui acara lawan pedang ini dan setentunya mempunyai saingan yang hebat berdasarkan pengalaman mereka yang lebih banyak mengikuti sukan-sukan antarabangsa.

"Hari ini bukan rezeki saya walaupun saya berusaha mengejar mata namun nasib tidak berpihak kepada saya hari ini. Namun begitu, ia bukanlah satu alasan untuk mematahkan semangat saya. Saya akan bangkit dan berusaha lebih gigih untuk acara sukan yang akan datang," ujarnya.

Hajah Anis merupakan atlet tunggal negara yang mewakili sukan lawan pedang dan seharusnya diberikan pujian di atas peningkatan permainan beliau berbanding sebelum ini.

Berita dan Foto : Aimi Sani



# Harapan atlet Billiards negara untuk mendapatkan pingat tersasar



KEBERANGKATAN Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuara Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Presiden Majlis Olimpik Kebangsaan Negara Brunei Darussalam sememangnya menyuntik lagi semangat atlet Billiards negara.

Berita dan Foto : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi

**MANILA, FILIPINA,** Khamis, 5 Disember. - Pertarungan di meja Billiards hari ini diteruskan dengan pertarungan dua atlet negara untuk melayakkan diri ke peringkat seterusnya dalam Men 10 Ball Singles di Manila Hotel di hari ketiga acara itu bermula bagi Temasya Sukan Asia Tenggara (Sukan SEA) Kali Ke-30.

Keberangkatan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuara Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Presiden Majlis Olimpik Kebangsaan Negara Brunei Darussalam sememangnya menyuntik lagi semangat atlet Billiards kita.

Harapan kita untuk mendapatkan pingat di sini tersasar apabila kedua-dua perlawanan hari ini menyaksikan atlet negara tewas dalam pusingan *pre-quarter* peringkat knockout ini.

Ahmad Taufiq bin M. Murni yang memenangi perlawanan semalam semasa menentang peserta Laos hari ini gagal mempamerkan prestasi sebelumnya dan terpaksa akur dengan keputusan kekalahan 2 - 9 kepada pemain Viet Nam, Do The Kien.

Terdahulu pada perlawanan di sebelah petang menyaksikan Muhammad Azim bin Abu Bakar akur dengan kekalahan apabila tumpas di tangan salah seorang pemain bertaraf dunia dari negara tuan rumah, Dennis Orcollo.

Kemenangan 9 - 4 Dennis Orcollo itu, sekali gus menghentikan perjuangan Muhammad Azim yang berentap hampir dua jam.

Namun kita masih berharap agar atlet Billiards kita akan beraksi cemerlang dalam Kategori Men 9-Ball yang didahului dengan perlawanan Muhammad Azim yang akan berdepan dengan peserta dari Myanmar.



ATLET Billiards negara, Ahmad Taufiq cuba mencari sasaran dalam Kategori Men 10-Ball Singles ketika menentang pemain Viet Nam, Do The Kien di Manila Hotel.

# Berangkat saksikan Mini Karnival Didi & Friends



YANG Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Hafizah Sururul Bolkiah binti Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah dan Yang Amat Mulia Pengiran Anak Haji Muhammad Ruzaini bin Pengiran Dr. Haji Mohd. Yakub berkenan berangkat menyaksikan Mini Karnival Didi & Friends bertempat di Hua Ho Manggis Mall Ballroom. Berangkat sama cucunda-cucunda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Yang Amat Mulia Pengiran Anak Muhammad Za'eem; Yang Amat Pengiran Anak Muhammad 'Aamir; dan Yang Amat Mulia Pengiran Anak Abdul Hakeem.

**Berita dan Foto :**
**Ihsan Media Permata**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Jumaat, 6 Disember. - Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Hafizah Sururul Bolkiah binti Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah dan Yang Amat Mulia Pengiran Anak Haji Muhammad Ruzaini bin Pengiran Dr. Haji Mohd. Yakub kelmarin berkenan berangkat menyaksikan Mini Karnival Didi & Friends bertempat di Hua Ho Manggis Mall Ballroom.

Berangkat sama ialah cucunda-cucunda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, iaitu Yang Amat Mulia Pengiran Anak Muhammad Za'eem; Yang Amat Pengiran Anak Muhammad 'Aamir; dan Yang Amat Mulia Pengiran Anak Abdul Hakeem.

Mini Karnival Didi & Friends yang dibawakan oleh Funbock Edutainment Sdn. Bhd. dengan kerjasama Starbugs Event Management turut disokong oleh Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri serta Didi & Friends Malaysia dan BIBD ALAF.

Mini Karnival yang berlangsung selama tiga hari bermula 3 Disember 2019 tersebut turut dimeriahkan dengan pelbagai acara menarik termasuk kuiz di sepanjang berlangsungnya muzikal pentas animasi kegemaran ramai Didi & Friends tersebut dijalankan.

# Jumlah trafik udara negara dijangka meningkat



**MENTERI Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Abdul Mutalib bin Pehin Orang Kaya Seri Setia Dato Paduka Haji Mohammad Yusof.**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Sabtu, 7 Disember. - Sambutan Hari Penerbangan Awam Antarabangsa yang jatuh pada setiap 7 Disember telah menjangkau tahun ke-25 sejak ia diperkenalkan oleh International Civil Aviation Organization (ICAO) pada tahun 1994.

Pada tahun ini, tema yang dipilih bagi sambutan Hari Penerbangan Awam Antarabangsa adalah '75 Years of Connecting the World'.

Menurut International Air Transport Association (IATA), pencapaian bagi tahun 2018 mencatatkan sebanyak 22 ribu bandar raya di seluruh dunia telah dihubungkan melalui pengangkutan udara.

Pencapaian ini telah menggalakkan pertumbuhan pengangkutan penumpang kepada 4.4 bilion orang dengan pertumbuhan sebanyak 6.28 peratus dari tahun sebelumnya.

Perkara tersebut dinyatakan oleh Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Abdul Mutalib bin Pehin Orang Kaya Seri Setia Dato Paduka Haji Mohammad Yusof dalam perutusan sempena Sambutan Hari Penerbangan Awam Antarabangsa.

Bagi Negara Brunei Darussalam, jelas Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, setakat ini sebanyak 47 Perjanjian Perkhidmatan Udara telah ditandatangani melalui kerjasama dua hala. Dengan pencapaian ini, sebanyak 15 buah negara telah dihubungkan melalui 31 buah bandar raya berbanding tahun sebelumnya yang hanya menghubungkan sebanyak 22 buah bandar raya.

Menurut Yang Berhormat, jumlah tersebut dijangka akan meningkat lagi pada tahun 2020 dengan termeterainya perjanjian-perjanjian udara baharu melalui kerjasama hubungan dua hala dan juga pelbagai hala di antara negara-negara ahli ASEAN dengan rakan-rakan dialog.

Baru-baru ini, Negara Brunei Darussalam dan Republik Korea telah menandatangani Memorandum Persefahaman bagi membukakan lagi hak trafik perkhidmatan pengangkutan udara di antara kedua buah negara.

Dengan bertambahnya jumlah destinasi ini, jelas Yang Berhormat, jumlah trafik udara bagi negara ini juga diramalkan akan meningkat daripada 3.5 peratus kepada 5 peratus pada penghujung tahun ini. Manakala sejumlah 1.6 juta penumpang dicatatkan pada suku ketiga tahun 2019, iaitu peningkatan sebanyak 16 peratus berbanding tempoh yang sama pada tahun 2018, iaitu 1.38 juta penumpang.

**Siaran Akhbar dan Foto :**
**Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi**

Aktiviti pergerakan pesawat dan kargo juga telah meningkat masing-masing pada kadar 21.7 peratus dan 1.3 peratus. Pertumbuhan ini dijangkakan akan terus meningkat seiring dengan bertambahnya destinasi dan kekerapan perkhidmatan penerbangan.

"Dari aspek keselamatan dan kesiap-siagaan dalam menangani sebarang insiden penerbangan awam, Jabatan Penerbangan Awam, telah mengadakan satu Table Top Exercise bagi Kecemasan Udara dengan kerjasama pihak-pihak berkepentingan pada bulan Disember 2019. Latihan berkala seumpama ini adalah disasarkan untuk dijalankan sekurang-kurangnya setiap dua tahun," ujar Yang Berhormat.

Akhir sekali, menurut Yang Berhormat, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi (MTIC) juga sedang mengkaji semula Pelan Induk LTAB yang bertujuan untuk memberikan hala tuju strategik mengenai perkembangan LTAB secara berterusan melalui pendekatan Whole of Nation.

Inisiatif ini jelas Yang Berhormat, antara lainnya melibatkan pembangunan prasarana; pembukaan peluang dalam perniagaan dan pekerjaan; perkembangan sumber manusia; penjenamaan; dan perancangan strategik di jangka masa sederhana dan panjang.

# Hubungan Brunei - Thailand terus diperkukuh




DUTA Besar Istimewa dan Mutlak Kerajaan Thailand di Negara Brunei Darussalam, Puan Yang Terutama Wanthanee Viputwongsakul menyampaikan cenderamata kepada Menteri Pertahanan Kedua, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi.



HADIR mewakili Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada Majlis Resepsi sempena Sambutan Hari Kebangsaan Kerajaan Thailand ialah Menteri Pertahanan Kedua, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof dan isteri, Datin Hajah Kalshom binti Haji Suhaili.

Berita dan Foto : Hernie Suliana Haji Othman

**JERUDONG**, Khamis, 5 Disember. - Hubungan di antara Negara Brunei Darussalam dan Kerajaan Thailand yang sudah terjalin selama 35 tahun terus diperkukuh dengan kerjasama yang erat di pelbagai bidang berkepentingan di kedua-dua buah negara.

Brunei dan Thailand juga menikmati hubungan mesra yang ditonjolkan oleh hubungan keluarga diraja, kerjasama politik dan ekonomi, serta hubungan rakyat-kepada-rakyat (*people-to-people*).

Perkara tersebut antara yang disampaikan oleh Duta Besar Istimewa dan Mutlak Kerajaan Thailand di Negara Brunei Darussalam, Puan Yang Terutama Wanthanee Viputwongsakul pada Majlis Resepsi sempena Sambutan Hari Kebangsaan Kerajaan Thailand yang berlangsung di Indera Samudra Grand Hall, The Empire Brunei.

Mewakili Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam selaku tetamu kehormat majlis ialah Menteri Pertahanan Kedua, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof dan isteri, Datin Hajah Kalshom binti Haji Suhaili.

PYT menambah, bagi memperingati ulang tahun Ke-35 penubuhan hubungan diplomatik antara kedua buah negara, Kedutaan Diraja Thailand di NBD telah menganjurkan beberapa acara seperti Thailand Grand Fair, melancarkan Buku Panduan Restoran-restoran Thai di Brunei Darussalam, dan pelancaran Facebook 'Sawasdee Club'.

PYT juga menyentuh mengenai usaha bersama dalam sektor makanan dan pertanian selaras dengan kehendak Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk pembangunan pertanian dan sara diri.

Majlis terdahulu dimulakan dengan Lagu Kebangsaan 'Allah Peliharakan Sultan' dan lagu kebangsaan Thailand diikuti dengan Lagu ASEAN oleh pelajar-pelajar Expression Music Academy.

Acara kemudian diteruskan dengan penyampaian cenderamata disampaikan oleh Puan Yang Terutama kepada tetamu kehormat, dan sesi bergambar ramai bersama perwakilan negara-negara sahabat di negara ini.



MENTERI di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Mokti bin Haji Mohd. Daud (kiri) selaku Ahli Lembaga Pengarah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) dan Pengerusi Jawatankuasa Meneliti Bantuan-bantuan YSHHB menyampaikan sumbangan kepada para penerima.

# 1,336 pelajar terima bantuan keperluan persekolahan

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 5 Disember. - Penubuhan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) ialah sebagai wadah amal jariah atau derma khairat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan kerabat baginda, iaitu sebagai tanda pemedulian dan kasih baginda kepada rakyat baginda, di samping menjadi lambang pembentukan dan perpaduan masyarakat di Negara Brunei Darussalam yang sejahtera dan makmur.

Bertunjangkan dasar utama YSHHB bagi meduli kebajikan dan kesejahteraan rakyat, khususnya golongan yang kurang berkemampuan, YSHHB menyampaikan sumbangan bantuan peralatan dan keperluan persekolahan kepada 1,336 pelajar, iaitu 813 pelajar Sekolah Rendah dan 523 pelajar Sekolah Menengah daripada 493 buah keluarga yang kurang berkemampuan di seluruh negara bagi sesi persekolahan tahun 2020.

Sumbangan disampaikan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Mokti bin Haji Mohd. Daud selaku Ahli Lembaga Pengarah YSHHB dan Pengerusi Jawatankuasa Meneliti Bantuan-bantuan YSHHB.

Majlis terlebih dahulu dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah, yang dipimpin oleh Pengiran Azliman bin Pengiran Haji Othman.

Sumbangan adalah berbentuk kupon pembelian peralatan dan keperluan persekolahan, di mana setiap seorang pelajar menerima kupon bernilai BND250.

Penyampaian sumbangan adalah bertepatan dengan matlamat strategik YSHHB dalam mendukung pencapaian pendidikan yang berkualiti dan saksama bagi semua lapisan masyarakat.

Sumbangan tersebut dihasrat bagi memeduli kebajikan dan hal ehwal pendidikan pelajar-pelajar yang kurang berkemampuan bagi meningkatkan motivasi mereka untuk meraih kecemerlangan dalam bidang pendidikan.

Di samping itu, sumbangan diharap dapat membantu meringankan beban perbelanjaan keluarga dalam menyediakan keperluan persekolahan anak-anak mereka, khususnya bagi persediaan penggal awal persekolahan tahun 2020.

Turut hadir, Setiausaha Tetap (Perancangan, Guna Tanah dan Alam Sekitar) di Kementerian Pembangunan, Dr. Nor Imtihan binti Haji Abdul Razak selaku Pemangku Pengarah Urusan YSHHB.



ANTARA yang hadir pada majlis tersebut.

# Wajib jalankan amanah



MENTERI Pertahanan Kedua, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof (kiri) menyampaikan sijil kepada peserta Program Perkembangan Eksekutif (EDP) bagi Pegawai-pegawai Kanan Kerajaan Siri Ke-15 anjuran Kementerian Pertahanan.

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Azmah Haji Ahad

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Jumaat, 6 Disember. - Program Perkembangan Eksekutif (EDP) bagi Pegawai-pegawai Kanan Kerajaan Siri Ke-15 anjuran Kementerian Pertahanan melabuh tirainya hari ini dengan Majlis Penutup yang diadakan di Institut Pengajian Pertahanan dan Strategik Sultan Haji Hassanal Bolkiah (IPPSSHHB).

Menteri Pertahanan Kedua, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof dalam ucapannya, mengingatkan bahawa pegawai-pegawai yang berkhidmat diwajibkan dalam menjalankan amanah atau tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan kepada mereka.

Yang Berhormat juga menekankan kepentingan untuk memastikan dasar-dasar selari dengan agenda pembangunan negara sambil mengambil kira keadaan dan nilai-nilai persekitaran dasar pada masa kini.

Menurut Yang Berhormat, ini menjadikan penglibatan dan kolaborasi dengan beberapa pihak berkepentingan, dalam semangat muzakarah (rundingan) dan musyawarah (perbincangan), bahkan lebih penting dalam mencapai konsensus.

Yang Berhormat juga menyeru semua peserta untuk mempraktikkan pengetahuan dan kemahiran yang diperoleh di organisasi masing-masing dengan menyedari tentang tanggungjawab mereka sebagai pemimpin, menjadi inovatif dan bertekad untuk terus memperbaiki organisasi dan negara secara amnya.

Terdahulu, Pemangku Pengarah Institut Pengajian Pertahanan dan Strategik, Ampuan Yura Kasumawati binti Dato Paduka Haji Mohd. Adnan dan Associate Professor and Director of the Institute of Water Policy and Former Vice-Dean of Research of the Lee Kuan Yew School of Public Policy (LKYSPP), National University of Singapore, Professor Eduardo Jr. Araral memberikan ucapan diikuti dengan sesi perkongsian daripada wakil peserta EDP Ke-15, Leftenan Kolonel Pengiran Mohammad Shamsul Reza bin Pengiran Dato Paduka Haji Tengah.

Program selama tiga bulan tersebut bermula pada 26 Ogos lalu yang dibentuk dan dilaksanakan dengan kerjasama LKYSPP, National University of Singapore.

Seramai 30 peserta terdiri daripada 20 Pegawai-pegawai Kanan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), seorang pegawai bagi setiap Kementerian / agensi dari Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB); Jabatan Perdana Menteri; Biro Kawalan Narkotik; Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri; Universiti Brunei Darussalam (UBD) dan Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA).

Kementerian Pertahanan juga turut menjemput dan membiayai pegawai-pegawai kanan tentera luar negara, iaitu dari Malaysia, Kesultanan Oman, Republik Filipina dan juga Singapura.

Program tersebut meliputi pelbagai kaedah analisis dasar termasuk *cost-benefit analysis*, *multi criteria analysis*, beberapa kajian kes serta pendekatan utama dalam bidang pengurusan dan kepimpinan.

Ini bertujuan untuk melengkapkan para pegawai kanan dengan pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan agar menjadi lebih inovatif dalam memahami proses dan cabaran penggubalan dasar.

Selain daripada pembelajaran di dalam kelas, program tersebut juga melibatkan ceramah-ceramah khas dan juga lawatan-lawatan ke agensi-agensi kerajaan tempatan untuk mendapatkan pengetahuan dan pemahaman yang lebih mendalam mengenai proses-proses perumusan strategi, pembentukan dasar dan pelbagai inisiatif yang telah dilaksanakan dengan penelitian khusus kepada kaedah pendekatan Whole of Nation dan penyejajaran dengan matlamat-matlamat pembangunan negara menurut Wawasan Brunei 2035.

Pada tahun ini, para peserta EDP juga diberikan peluang untuk menghadiri lawatan kerja ke Singapura dalam beberapa hari. Para peserta didedahkan dengan pendekatan-pendekatan dasar dan juga amalan pengurusan di beberapa agensi-agensi tempatan negara tersebut.

Turut hadir ialah Pemerintah ABDB, Pesuruhjaya PPDB, Duta-duta dan Pesuruhjaya-pesuruhjaya Tinggi, Naib Canselor UBD, Rektor UNISSA, Setiausaha-setiausaha Tetap, Pemerintah-pemerintah Angkatan Tentera, Naib Canselor UBD serta Pegawai-pegawai Kanan dari Kementerian Pertahanan dan ABDB.

# Jangan mengeksploitasi pengguna atau pelanggan



Berita dan Foto : Ak. Syi'aruddin Pg. Dauddin



MENTERI Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Ir. Awang Haji Suhaimi bin Haji Gafar semasa melancarkan Laman Sesawang BoVEA (atas), sementara gambar atas kiri, Yang Berhormat Menteri Pembangunan menyempurnakan Penyampaian Sijil Lantikan Keahlian BoVEA; Penyampaian Sijil Pendaftaran dan Amalan dan Penyampaian Ejen Harta Tanah Berdaftar bagi Tahun 2019.

**Dari muka 1**

Yang Berhormat Menteri Pembangunan seterusnya menekankan penilaian haruslah disediakan mengikut Piawaian Antarabangsa (International Standard), dan ia tidak boleh ditinggikan secara melulu demi untuk memberi manfaat kepada penjual atau pemaju tanpa perlu mengambil kira kemampuan rakyat juga penduduk tempatan, di mana ia sepatutnya diperoleh daripada pasaran, permintaan dan bekalan (*market, demand and supply*).

Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Ir. Awang Haji Suhaimi juga menekankan beberapa masalah yang dikenal pasti berkaitan dengan perkhidmatan ejen harta tanah dan pemaju perumahan, iaitu pembayaran lambat atau tidak ada pembayaran kepada konsultan / kontraktor bangunan; mengurangkan kos pembangunan serendah yang mungkin, akan tetapi menyediakan produk berkualiti rendah; tidak bertanggungjawab terhadap pembangunan projek mereka selepas Defect Liability Period (DLP) dan, atau menjual : tidak bertanggungjawab untuk menyelenggara kesemua kawasan umum selepas unit dijual dan tanah tidak dimajukan untuk membuat kemajuan pembangunan sampai bertahun-tahun.

Terdahulu, Setiausaha Tetap (Perancangan, Guna Tanah dan Alam Sekitar), Dr. Nor Imtihan binti Haji Abdul Razak dalam ucapan alu-aluannya selaku Pengerusi Lembaga Penilai dan Ejen Harta Tanah (BOVEA) menjelaskan mengikut Seksyen 14 (2) Perintah Penilai dan Ejen Harta Tanah 2009, tiada sesiapapun boleh menjalankan perniagaan atau mengambil pekerjaan sebagai seorang Penilai di bawah apa-apa nama, sebutan atau gelaran yang memberikan makna bahawa dia adalah seorang penilai, dan tiada sesiapa pun boleh menjalankan bagi satu bayaran sebarang kerja seorang penilai melainkan jika dia adalah seorang penilai berdaftar.

Atur cara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah, diikuti dengan Penyampaian Sijil Lantikan BoVEA; Penyampaian Sijil Pendaftaran dan Amalan kepada Penilai Berdaftar; Penyampaian Ejen Harta Tanah Berdaftar bagi Tahun 2019; dan Pelancaran Laman Sesawang BoVEA, disempurnakan oleh Yang Berhormat Menteri Pembangunan selaku tetamu kehormat.

Laman sesawang *www.bovea.gov.bn*, bolehlah dilayari oleh sesiapa sahaja, khususnya kepada yang bergiat aktif dan terlibat dalam industri hartanah, khususnya kepada mereka yang ingin memohon sebagai Penilai atau Ejen Harta Tanah Berdaftar (Registered Valuer and Estate Agent) dan Penilai atau Ejen Harta Tanah Berdaftar yang menjalankan amalan (Practising Registered Valuer and Estate Agent).

Permohonan tersebut akan dihadapkan kepada Urusetia BoVEA, Divisyen Pengurusan Lembaga, Kementerian Pembangunan.

Acara juga diselajurkan dengan Majlis Penandatanganan Memorandum Persefahaman di antara Kementerian Pembangunan dan Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE).

Pihak Kementerian Pembangunan dan pihak Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE) bekerjasama mengungkayahkan untuk memeterai MoU yang dapat mengangkat dan meningkatkan keupayaan anak-anak tempatan juga menjamin tahap kerjaya dan kepercayaan orang ramai terhadap mutu perkhidmatan profesional penilai juga ejen harta tanah yang berdaftar.

MoU ditandatangani oleh Setiausaha Tetap (Perancangan, Guna Tanah dan Alam Sekitar) selaku Pengerusi Lembaga Penilai dan Ejen Harta Tanah (BoVEA); dan Setiausaha Tetap (Pendidikan Tinggi), Ahli Lembaga Pengelola IBTE.

Objektif utama MoU tersebut untuk memberikan IBTE peluang bagi membuka semula kursus pendidikan teknikal yang relevan dalam kerjaya harta tanah dan memberikan sokongan berterusan dua hala bagi menjamin kemajuan industri harta tanah di negara ini.

# IKLAN JAWATAN KOSONG DALAM PERKHIDMATAN AWAM

PSC RECRUITMENT

MAKLUMAT LANJUT MENGENAI DENGAN SYARAT-SYARAT KELAYAKAN SERTA HURAIAN TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB BAGI JAWATAN-JAWATAN KOSONG SILA LAYARI
**www.recruitment.gov.bn**

## PERATURAN 7(A)

**BILANGAN IKLAN 92/12/19 (SPA/BIKL)**

Dibukakan kepada orang ramai dan pegawai-pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam.

**TARIKH IKLAN: 07 DISEMBER 2019**
**TARIKH TUTUP: 21 DISEMBER 2019**

| | |
|---|---|
| 1. **PEGAWAI ALAM SEKITAR**<br>**B.2 EB.3**<br>BAHAGIAN II<br>JABATAN ALAM SEKITAR, TAMAN DAN REKREASI<br>KEMENTERIAN PEMBANGUNAN<br>**KEKOSONGAN = SATU (01)**<br>**2019/0049/01** | 2. **PENOLONG PEGAWAI PERKEMBANGAN UGAMA**<br>**C.3 EB.4**<br>BAHAGIAN III<br>PUSAT DAKWAH ISLAMIAH<br>KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA<br>**KEKOSONGAN = SATU (01)**<br>**2019/0048/02** |
| 3. **PENGATUR HURUF TINGKAT III**<br>**D.1-2 EB.3-4**<br>BAHAGIAN IV<br>DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA<br>KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN<br>**KEKOSONGAN = SATU (01)**<br>**2019/0048/07** | 4. **JURUTEKNIK FOTO TINGKAT II**<br>**D.1 EB.2-3**<br>BAHAGIAN IV<br>JABATAN-JABATAN KERAJAAN<br>**KEKOSONGAN = DUA (02)**<br>**2019/0048/10** |

**UNTUK MENGETAHUI MENGENAI:**

Syarat-Syarat Am, Tatacara Permohonan dan juga lain-lain maklumat sila kunjungi ruangan Quicklinks dan FAQ's di **www.recruitment.gov.bn**

Sebarang pertanyaan mengenai keputusan-keputusan *shortlisting*, hal ehwal ujian dan temuduga hendaklah menghadapkan ke Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam melalui e-mel **query@spa.gov.bn**

---

## UNIVERSITI ISLAM SULTAN SHARIF ALI

**Tajuk Tawaran :**
**1) UNISSA / SB0034 / 2019 / 2020**
**TO SUPPLY, DELIVERY, INSTALLATION AND TRAINING OF TURNITIN SOFTWARE FOR UNIVERSITI ISLAM SULTAN SHARIF ALI (UNISSA)**

1. TAWARAN adalah dipelawa daripada syarikat-syarikat dan pembekal-pembekal tempatan yang berdaftar di Negara Brunei Darussalam.

2. Dokumen tawaran boleh diperoleh :

**BAHAGIAN KEWANGAN**
**TINGKAT 1**
**BANGUNAN PENTADBIRAN DAN KEWANGAN, SIMPANG 347**
**JALAN PASAR BAHARU GADONG, BE1310**
**NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.**

**Nota :** Dokumen tawaran akan mengandungi borang sebut harga, spesifikasi dan / atau syarat-syarat tawaran juga borang pengakuan integriti penender.

3. Pada waktu-waktu (termasuk menerima yuran tawaran) seperti berikut :

**Isnin** hingga **Khamis**
**8.30 Pagi** hingga **11.00 Pagi**
**2.00 Petang** hingga **3.00 Petang**
**Sabtu**
**8.30 Pagi** hingga **10.00 Pagi**

4. Yuran tawaran adalah **BND10.00** sahaja (bagi setiap tawaran) dan tidak akan dikembalikan kepada setiap syarikat-syarikat dan pembekal-pembekal sama ada yang berjaya atau yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang sah**.**

5. Segala kehendak dalam Borang Sebut Harga mestilah ditulis dengan BETUL dan TERANG, jika tidak permohonan ini akan DITOLAK.

6. Permohonan Tawaran ini akan ditolak jika bagi setiap sebarang perubahan / pembetulan pada Harga Tawaran yang menggunakan *blanco*.

7. Bagi setiap sebarang perubahan / pembetulan pada harga tawaran hendaklah ditandatangani asal *(initial)* dan cap syarikat.

8. Tawaran yang telah diisi dalam Borang Sebut Harga yang asal (tidak boleh difotokopi dan di*scan*). Tawaran yang telah diisi dengan lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga yang disediakan dan dialamatkan kepada :

**PENGERUSI SEBUT HARGA**
**UNIVERSITI ISLAM SULTAN SHARIF ALI**
**SIMPANG 347**
**JALAN PASAR BAHARU**
**GADONG, BE1310**
**NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.**

9. Tawaran hendaklah disimpan di dalam sampul surat tertutup rapi. Di sampul surat berkenaan hendaklah ditulis di sebelah kiri atas sepertimana yang diiklankan serta tarikh tutup iklan ini, tanpa menunjukkan sebarang identiti, nama atau logo syarikat / pembekal.

10. Tawaran hendaklah dikembalikan tidak lewat **Rabu, 18 Disember 2019, jam 2.00 Petang**. Tawaran yang lewat dihantar tidak akan diterima.

11. Sijil Pendaftaran Syarikat / Nama-Nama Perniagaan (Form 16 & 17 / Form X) hendaklah disertakan bersama tawaran.

12. Sijil Pengiktirafan daripada Kementerian Pembangunan, AITI dan yang berkenaan bagi kerja-kerja yang berkaitan hendaklah disertakan bersama tawaran (jika perlu).

13. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau sebarang tawaran.

---

## KOLEJ UNIVERSITI PERGURUAN UGAMA SERI BEGAWAN
## KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA

### TAWARAN PENYAJIAN MAKANAN DAN MINUMAN ASRAMA KOLEJ UNIVERSITI PERGURUAN UGAMA SERI BEGAWAN BAGI 4 BULAN

1. TAWARAN dibukakan kepada semua pemborong tempatan dan diutamakan kepada pemborong yang mempunyai 'Nature of Business' di dalam bidang pembekalan makanan / katering sebagaimana yang dinyatakan di dalam Sijil Pendaftaran Perniagaan 16 & 17 serta memiliki Sijil Halal, Negara Brunei Darussalam.

2. Setiap Borang Tawaran yang telah diisi dengan lengkap HENDAKLAH DIHANTAR BESERTA DENGAN SALINAN SIJIL PENDAFTARAN PERNIAGAAN 16 & 17, SIJIL HALAL DAN SALINAN RESIT. Tawaran hendaklah diisikan dan di cap Syarikat dengan menggunakan dakwat berwarna BIRU sahaja.

3. Borang Tawaran serta salinan Sijil Pendaftaran Perniagaan 16 & 17 dan Sijil Halal hendaklah dihantar dalam SAMPUL SURAT BIASA YANG TERTUTUP, pada bahagian atas sampul surat tersebut ditulis dengan jelas TAJUK atau sebagaimana yang diiklankan serta tanpa menunjukkan identiti pembekal dan dimasukkan ke dalam PETI TAWARAN yang ditujukan kepada :

**Pengerusi**
**Lembaga Tawaran Kecil**
**Bahagian Perkhidmatan Kewangan**
**Tingkat 1**
**Kementerian Hal Ehwal Ugama**
**Jalan Menteri Besar**
**Negara Brunei Darussalam.**

4. Mengambil borang tawaran mula dibukakan pada **Isnin, 5 Rabiulakhir 1441 bersamaan 2 Disember 2019M** dan tarikh akhir mengambil borang tawaran ialah pada **Sabtu, 1 Jamadilawal 1441H bersamaan 28 Disember 2019M jam 10.00 Pagi**.

5. Tempat untuk mendapatkan Borang Tawaran tersebut ialah di **Bahagian Kewangan, Tingkat 1, Bangunan Kementerian Hal Ehwal Ugama, Jalan Menteri Besar, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam** pada hari-hari dan jam kaunter bertugas sahaja dengan **harga dokumen : BND10.00 (tidak dikembalikan).**

---

## KOLEJ UNIVERSITI PERGURUAN UGAMA SERI BEGAWAN
## KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA

### 12 MONTHS TERM CONTRACT FOR GRASS CUTTING AND GROUND MAINTENANCE AT KOLEJ UNIVERSITI PERGURUAN UGAMA SERI BEGAWAN (2020-2021)

1. TAWARAN hanyalah dipelawa kepada Syarikat-Syarikat / Pemborong-pemborong yang berdaftar dengan Kementerian Pembangunan Kelas I & II dan Kategori SO3 di Negara Brunei Darussalam.

2. Setiap Borang Tawaran yang telah diisi dengan lengkap HENDAKLAH DIHANTAR BESERTA DENGAN SALINAN SIJIL PENDAFTARAN PERNIAGAAN 16 & 17 DAN SALINAN RESIT. Tawaran hendaklah diisikan dan di cap Syarikat dengan menggunakan dakwat berwarna BIRU sahaja.

3. Borang Tawaran serta salinan Sijil Pendaftaran Perniagaan 16 & 17 hendaklah dihantar dalam SAMPUL SURAT BIASA YANG TERTUTUP, pada bahagian atas sampul surat tersebut ditulis dengan jelas TAJUK atau sebagaimana yang diiklankan serta tanpa menunjukkan identiti pembekal dan dimasukkan ke dalam PETI TAWARAN yang ditujukan kepada :

**Pengerusi**
**Sebut Harga**
**Bahagian Kewangan, Tingkat 1**
**Bangunan Kementerian Hal Ehwal Ugama**
**Jalan Menteri Besar**
**Kementerian Hal Ehwal Ugama**
**Negara Brunei Darussalam.**

4. Mengambil borang tawaran mula dibukakan pada **Isnin, 5 Rabiulakhir 1441H bersamaan 2 Disember 2019M** dan tarikh akhir mengambil borang tawaran ialah pada **Sabtu, 1 Jamadilawal 1441H bersamaan 28 Disember 2019M jam 10.00 Pagi**.

5. Tempat untuk mendapatkan Borang Tawaran tersebut ialah di **Bahagian Kewangan, Tingkat 1, Bangunan Kementerian Hal Ehwal Ugama, Jalan Menteri Besar, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam** pada hari-hari dan jam kaunter bertugas sahaja dengan **harga dokumen : BND10.00 (tidak dikembalikan).**

**JABATAN BANDARAN BANDAR SERI BEGAWAN**
**KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI**

**KENYATAAN BAGI MENDAPATKAN TAWARAN SEBUT HARGA**

**BILANGAN RUJUKAN :**
**JBBSB / SH / 2019-2020 / 26 / UP.**

**TAJUK SEBUT HARGA :**
**GENERAL REPAIR WORKS AT UNIT NO. 1 & NO. 11 BLOCK H6 MUNICIPAL DEPARTMENT HOUSING PHASE 1, KG. SINARUBAI, BANDAR SERI BEGAWAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**HARI, TARIKH DAN JAM TUTUP :**
**KHAMIS, 19 DISEMBER 2019**
**JAM 2.00 PETANG**

**KETERANGAN LANJUT BOLEH DIPEROLEH DARI :**
**UNIT PEMULIHARAAN DAN TEKNOLOGI MAKLUMAT**
**BAHAGIAN PEMULIHARAAN DAN KENDERAAN**
**JABATAN BANDARAN BANDAR SERI BEGAWAN**
**TINGKAT 6**
**BANGUNAN PUSAT KOMERSIAL & PERDAGANGAN BUMIPUTRA**
**JALAN CATOR**
**BANDAR SERI BEGAWAN.**

1. SEBUT HARGA adalah dipelawa daripada syarikat-syarikat dan pembekal-pembekal yang berdaftar di Negara Brunei Darussalam menurut Seksyen 16 dan 17 dari akta Nama-nama Perniagaan (Bussiness Names Act) dan sebut harga ini hanya layak bagi syarikat-syarikat dan pembekal-pembekal yang mempunyai **Kategori Kerja Bil. B 01 - Kerja-Kerja Bangunan (Building Works), Bil. E 01. - Pemasangan Pendawaian Elektrik (Electrical Wiring Installation)** bagi **Kelas 1, 2 dan 3 sahaja**.

2. Dokumen sebut harga dikenakan bayaran / caj sebanyak **BND2.00** (Dua Ringgit Brunei) bagi pendaftaran dan **BND10.00** (Sepuluh Ringgit Brunei) bagi yuran pentadbiran dan pembayaran hanya boleh dibuat di Kaunter Pembayaran, Tingkat 3, Bangunan Jabatan Bandaran Bandar Seri Begawan, Jalan Perdana Menteri. Tarikh terakhir bagi mendapatkan dokumen sebut harga berkenaan ialah pada **Rabu, 18 Disember 2019, jam 2.00 Petang** di **Kaunter Unit Pemuliharaan, Tingkat 6, Bangunan Komersial & Perdagangan Bumiputra, Jalan Cator, Bandar Seri Begawan**.

3. Sebut Harga dan salinan sijil pendaftaran perniagaan di bawah Seksyen 16 dan 17 yang disebutkan di atas hendaklah dihadapkan dalam sampul surat tertutup dengan menulis di sebelah luarnya bilangan rujukan serta tarikh tutup sahaja tanpa menunjukkan sebarang identiti pengirim atau tajuk sebut harga kepada :

**PENGERUSI JAWATANKUASA MENELITI TAWARAN DAN SEBUT HARGA**
**JABATAN BANDARAN BANDAR SERI BEGAWAN**

4. Sampul surat berkenaan hendaklah dimasukkan ke :
**PETI TAWARAN SEBUT HARGA**
**TINGKAT 3**
**BANGUNAN JABATAN BANDARAN BANDAR SERI BEGAWAN**
**JALAN PERDANA MENTERI, BA1512**
**NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

5. Para penender yang berhasrat menyertai tawaran ini disarankan mendapatkan maklumat dan syarat penuh di tempat mengambil dokumen tawaran

---

**JABATAN BANDARAN BANDAR SERI BEGAWAN**
**KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI**

**KENYATAAN BAGI MENDAPATKAN TAWARAN SEBUT HARGA**

**BILANGAN RUJUKAN :**
**JBBSB / SH / 2019-2020 / 30 / UP**

**TAJUK SEBUT HARGA :**
**PEBBLE STONE REPAIR WORKS AT DERMAGA DIRAJA, BANDAR SERI BEGAWAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**HARI, TARIKH DAN JAM TUTUP :**
**KHAMIS, 12 DISEMBER 2019**
**JAM 2.00 PETANG**

**KETERANGAN LANJUT BOLEH DIPEROLEH DARI :**
**UNIT PEMULIHARAAN DAN TEKNOLOGI MAKLUMAT**
**BAHAGIAN PEMULIHARAAN DAN KENDERAAN**
**JABATAN BANDARAN BANDAR SERI BEGAWAN**
**TINGKAT 6**
**BANGUNAN PUSAT KOMERSIAL & PERDAGANGAN BUMIPUTRA**
**JALAN CATOR**
**BANDAR SERI BEGAWAN.**

1. SEBUT HARGA adalah dipelawa daripada syarikat-syarikat dan pembekal-pembekal yang berdaftar di Negara Brunei Darussalam menurut Seksyen 16 dan 17 dari akta Nama-nama Perniagaan (Bussiness Names Act) dan sebut harga ini hanya layak bagi syarikat-syarikat dan pembekal-pembekal yang mempunyai **Kategori Kerja Bil. B 01 - Kerja-Kerja Bangunan** bagi **Kelas 1, 2 dan 3 sahaja**.

2. Dokumen sebut harga dikenakan bayaran / caj sebanyak **BND2.00** (Dua Ringgit Brunei) bagi pendaftaran dan **BND10.00** (Sepuluh Ringgit Brunei) bagi yuran pentadbiran dan pembayaran hanya boleh dibuat di Kaunter Pembayaran, Tingkat 3, Bangunan Jabatan Bandaran Bandar Seri Begawan, Jalan Perdana Menteri. Tarikh terakhir bagi mendapatkan dokumen sebut harga berkenaan ialah pada **Selasa, 10 Disember 2019, jam 2.00 Petang** di **Kaunter Unit Pemuliharaan, Tingkat 6, Bangunan Komersial & Perdagangan Bumiputra, Jalan Cator, Bandar Seri Begawan**.

3. Sebut Harga dan salinan sijil pendaftaran perniagaan di bawah Seksyen 16 dan 17 yang disebutkan di atas hendaklah dihadapkan dalam sampul surat tertutup dengan menulis di sebelah luarnya bilangan rujukan serta tarikh tutup sahaja tanpa menunjukkan sebarang identiti pengirim atau tajuk sebut harga kepada :

**PENGERUSI JAWATANKUASA MENELITI TAWARAN DAN SEBUT HARGA**
**JABATAN BANDARAN BANDAR SERI BEGAWAN**

4. Sampul surat berkenaan hendaklah dimasukkan ke :
**PETI TAWARAN SEBUT HARGA**
**TINGKAT 3**
**BANGUNAN JABATAN BANDARAN BANDAR SERI BEGAWAN**
**JALAN PERDANA MENTERI, BA1512**
**NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

5. Para penender yang berhasrat menyertai tawaran ini disarankan mendapatkan maklumat dan syarat penuh di tempat mengambil dokumen tawaran

---

**MAHKAMAH SYARIAH**
**NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**PERINTAH ACARA MAL MAHKAMAH-MAHKAMAH SYARIAH, 2005**

**SAMAN GANTIAN**

**DALAM MAHKAMAH RENDAH SYARIAH DI DAERAH BRUNEI DAN MUARA DALAM NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**SAMAN NO. :**
**BM / MRS / MAL-A / P012A / 881 / 11-2019**

**DI ANTARA**

**ZANNATUL HAZIAH BINTI ABDULLAH**
**- Plaintif (Pemohon)**

**DAN**

**MUHAMMAD RUSYDUDDIN BIN RAMLI**
**- Defendan (Responden)**

**KEPADA :**
**MUHAMMAD RUSYDUDDIN BIN RAMLI**
**NO. KAD PENGENALAN : 01-043532 (KUNING)**
**BERALAMAT :**
**NO. 49, KAMPUNG PANCHA DELIMA, JALAN BERAKAS, BB4513**
**NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.**

KAMU adalah dengan ini disaman supaya hadir secara sendiri atau melalui Peguam Syarie kamu di hadapan **Mahkamah Rendah Syariah di Daerah Brunei dan Muara** pada **Khamis** pada **29 Rabiulakhir 1441H / 26 Disember 2019M**, pukul **9.00 Pagi** untuk menjawab tuntutan terhadap kamu oleh plaintif yang dinamakan di atas, bagi **Tuntutan Cerai Fasakh**.

Sila ambil perhatian bahawa jika kamu ingkar hadir di mahkamah pada hari dan masa yang ditetapkan, mahkamah boleh meneruskan untuk mendengarkan dan memutuskan kes tanpa kehadiran kamu.

Dan sila ambil perhatian bahawa jika kamu ingin membela diri terhadap tuntutan tersebut, kamu hendaklah memfailkan di mahkamah ini dan menyampaikan kepada plaintif suatu pembelaan dalam borang yang ditetapkan sebelum tarikh yang disebut di atas atau hadir di mahkamah pada tarikh itu.

Bertarikh : 23 Rabiulawal 1441H / 20 November 2019M.

**(METERAI)**
**Mahkamah Rendah Syariah**
**Daerah Brunei dan Muara**
**Negara Brunei Darussalam.**

---

**KEMENTERIAN HAL EHWAL LUAR NEGERI**

**JAWATAN KOSONG**
**DI SEKRETARIAT KOMANWEL, LONDON**

**Jawatan :**
**1. Director**
**Communications Division**
**Tarikh Tutup : 31 Disember 2019**

**2. Senior Director**
**Economic, Youth and Sustainable Development**
**Tarikh Tutup : 3 Januari 2020**

Untuk makluman, pemohon-pemohon yang berminat hendaklah memohon melalui laman sesawang : *http://thecommonwealth.org/jobs*

---

**JABATAN ALAM SEKITAR, TAMAN DAN REKREASI**
**KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

**DIBUKAKAN KEPADA PEMBORONG-PEMBORONG YANG BERDAFTAR DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**
**KELAS II, III & IV KATEGORI KPB12**

Tarikh buka tawaran pada :
**4 Disember 2019 (Isnin)**

Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran :
**17 Disember 2019 (Selasa)**

Tarikh tutup pada :
**24 Disember 2019 (Selasa) sebelum jam 2.00 Petang**

Ditutup di :
**Pejabat Lembaga Tawaran Kecil, di Tingkat Bawah Bangunan Kementerian Pembangunan, Lapangan Terbang Lama Berakas, Bandar Seri Begawan, BB3510, Negara Brunei Darussalam.**

**JASTRE / BTR / T006 / 2019**
**PEMELIHARAAN LANDSKAP DAN PENYELENGGARAAN KEMUDAHAN DI PANTAI SERASA BAGI TEMPOH DUA (2) TAHUN**

NO. PROJEK :
**JASTRE / BTR / T006 / 2019**

JUMLAH YURAN TAWARAN :
**BND30.00 (tidak dikembalikan)**

**JABATAN KERJA RAYA**
**KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

**DIBUKAKAN KEPADA PEMBORONG-PEMBORONG YANG BERDAFTAR DALAM KELAS : II / III KATEGORI : B01 & E01**

**TARIKH AKHIR MENGAMBIL DOKUMEN TAWARAN PADA :**
SELASA, 17 DISEMBER 2019

**TARIKH TUTUP :**
SELASA, 31 DISEMBER 2019, JAM 2.00 PETANG

**BILANGAN :**
JKR / DBSBM024 / 2019

**Nama Projek :**
KERJA-KERJA PEMBAIKAN KEBOCORAN ATAP DI DEWAN UTAMA GELANGGANG SUKAN, KOMPLEKS SUKAN MENGLAIT (JKR NO.2501 & 2502)

**No. Projek :**
2019DBSBM / KKBS.02

YURAN TAWARAN : BND30.00 (TIDAK DIKEMBALIKAN)

---

**JABATAN KERJA RAYA**
**KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

**DIBUKAKAN KEPADA PEMBORONG-PEMBORONG YANG BERDAFTAR DENGAN KEMENTERIAN PEMBANGUNAN DI DALAM KELAS : IV, V & VI KATEGORI : KA01 SAHAJA - KOD BAHARU**

**TARIKH AKHIR MENGAMBIL DOKUMEN TAWARAN PADA :**
17 DISEMBER 2019 (SELASA)

**TARIKH TUTUP :**
31 DISEMBER 2019 (SELASA), JAM 2.00 PETANG

**BILANGAN TAWARAN :**
JKR / DTS / 25 / BKTKS / 2019 - T / V

**NAMA PROJEK :**
KERJA-KERJA TANAH BAGI SEKOLAH UGAMA KAMPUNG BOLKIAH, DI KAMPUNG BUANG SAKAR, MUKIM LUMAPAS

**NO. PROJEK :**
JKR / BKT-KB / BM1779

**YURAN TAWARAN :** BND500.00 (TIDAK DIKEMBALIKAN)

YURAN E -DOKUMEN : -

---

**JABATAN RADIO DAN TELEVISYEN BRUNEI**
**JABATAN PERDANA MENTERI**

**NOTIS SEBUT HARGA**

**TENDER NO. :**
RTB / K / 155 / 19 - 20

SUPPLY AND DELIVERY OF CAMERA BATTERY FOR ENG & EFP

**Bayaran tawaran :**
BND5.00 (tidak dikembalikan)

**TENDER NO. :**
RTB / K / 157 / 19 - 20

SUPPLY AND DELIVERY OF POC MEDIA STORAGE

**Bayaran tawaran :**
BND5.00 (tidak dikembalikan)

**Salinan Kertas (Hardcopy) :**
BND5.00 (tidak dikembalikan)

**TENDER NO. :**
RTB / K / 166 / 19 - 20

SUPPLY AND DELIVERY OF POC HD NON-LINEAR EDITING WORKSTATION

**Bayaran tawaran :**
BND5.00 (tidak dikembalikan)

**Salinan Kertas (Hardcopy) :**
BND5.00 (tidak dikembalikan)

**Tarikh Tutup :**
**Rabu, 18 Disember 2019 (jam 2.00 Petang)**

1. SEBUT HARGA adalah dipelawa kepada semua pemborong-pemborong dan syarikat-syarikat yang berdaftar di Negara Brunei Darussalam.

2. Dokumen-dokumen sebut harga bolehlah diperoleh dari Unit Hasil, Tingkat 2, Seksyen Kewangan, Kompleks Radio Televisyen Brunei, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam dengan membuat pembayaran terlebih dahulu pada waktu-waktu yang ditetapkan.

3. Sebut Harga hendaklah dikembalikan dengan menggunakan format yang disediakan oleh pihak jabatan.

4. Sebut Harga hendaklah dikembalikan dan dialamatkan kepada Pengerusi Jawatankuasa Sebut Harga dalam bentuk sampul surat yang tertutup dengan menyatakan rujukan tajuk yang berkenaan dan tarikh tutup sebut harga dan dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga RTB, Bandar Seri Begawan, seperti berikut :

**Kepada :**
**Pengerusi Jawatankuasa Sebut Harga**
**Jabatan Radio Televisyen Brunei**
**Jalan Stoney**
**Bandar Seri Begawan, BB8610**
**Negara Brunei Darussalam.**

**Rujukan :**
**(Sila tulis Nombor Tender seperti yang dinyatakan di atas)**
**Tarikh Tutup : 18 Disember 2019**

Bagi syarikat luar negara bolehlah mengembalikan sebut harga melalui e-mel ke *sebutharga.rtb @rtb.gov.bn* **tidak lewat jam 2.00 Petang (waktu Brunei) pada tarikh tutup yang ditetapkan**.

5. Tarikh tutup sebut harga ialah pada **Rabu, 18 Disember 2019, jam 2.00 Petang**.

6. Sebut Harga-sebut harga yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang telah ditetapkan serta tidak mematuhi perkara 3 dan 4 seperti di atas, tidak akan dilayan.

Para penender yang berhasrat menyertai tawaran di atas disarankan untuk mendapatkan maklumat dan syarat penuh di tempat mengambil dokumen tawaran.

---

**JABATAN PENDIDIKAN KOKURIKULUM**
**KEMENTERIAN PENDIDIKAN**

**BIL. SEBUT HARGA :**
**DCCE / UA / P / 10 / 2019 (04)**

**TAJUK SEBUT HARGA :**
**SEBUT HARGA BAGI MEMBEKAL, MELABEL DAN MENGHANTAR HADIAH BAGI 10 TRIVIA STAND ALONE BUZZER BAGI KEGUNAAN PERTANDINGAN DAN AKTIVITI YANG DIKENDALIKAN UNIT AKLI**

**BAYARAN DOKUMEN :**
**BND5.00 (tidak dikembalikan)**

**TARIKH DIBUKAKAN :**
**11 DISEMBER 2019**

**TARIKH TUTUP :**
**24 DISEMBER 2019 (tidak lewat jam 2.00 Petang)**

Borang-borang sebut harga bolehlah di peroleh di :
**Bahagian Kewangan, Jabatan Pendidikan Kokurikulum**
**Tingkat 1, Jalan 10**
**Kampung Perpindahan Lambak Kanan**
**Negara Brunei Darussalam**

Borang-borang sebut harga hendaklah dimasukkan ke dalam peti sebut harga di alamat :
**Pengerusi**
**Jawatankuasa Sebut Harga Program 7 - Lain-lain Program dan Institusi Pendidikan**
**Jalan 10**
**Kampung Perpindahan Lambak Kanan**
**Berakas, BC2315**
**Negara Brunei Darussalam.**

---

**JABATAN KEMAJUAN PERUMAHAN**
**KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari pemborong-pemborong yang berdaftar di Kementerian Pembangunan dalam **Kelas III atau IV** sahaja dan **Kategori Kerja S03** bagi :

**1. Nama Projek :**
**THREE (3) YEARS TERM CONTRACT FOR GENERAL MAINTENANCE WORKS AT RPN KG. RIMBA (ZONE A) IN BRUNEI-MUARA DISTRICT, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**Bil. Projek : JKP / 14 / 2019**

Dokumen-dokumen tawaran boleh dilihat dan didapati di **Tingkat 4, Bahagian Perancangan Projek, Jabatan Kemajuan Perumahan, Negara Brunei Darussalam** sehingga **5 Disember 2019, Khamis, jam 3.00 Petang**.

Tarikh Buka Tawaran :
**27 November 2019 (Rabu)**

Tarikh Tutup Tawaran :
**10 Disember 2019 (Selasa), tidak lewat jam 2.00 Petang**

Tempat Tutup :
**Lembaga Tawaran Kecil**
**Tingkat Bawah**
**Kementerian Pembangunan**
**Jalan Lapangan Terbang Lama Berakas**
**Bandar Seri Begawan, BB3510**
**Negara Brunei Darussalam.**

Yuran Tawaran :
**BND100.00 (Tidak dikembalikan)**

Yuran E-Dokumen
(Yuran E-Dokumen & Lukisan) :
**BND5.00 (Tidak dikembalikan)**

Waktu Pembayaran Yuran Tawaran dan Yuran E-Dokumen :
**Isnin** hingga **Khamis** dan **Sabtu**
**8.00 Pagi** hingga **3.00 Petang**

**SYARAT-SYARAT TAWARAN :**

1. Tawaran-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran mengikut alamat yang dinyatakan di dalam iklan.

2. Tawaran ditutup pada **Selasa, 10 Disember 2019**, tidak lewat **jam 2.00 Petang**. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan, tidak akan dilayan.

3. Tawaran-tawaran mestilah dihadapkan di dalam sampul surat yang tertutup rapi (*sealed*) dengan menyatakan Tajuk dan No. Projek serta alamat tempat menghantar, tanpa menunjukkan identiti penawar.

4. Dokumen-dokumen tawaran serta keterangan-keterangan lanjut boleh diperoleh dari Jabatan Kemajuan Perumahan, Bahagian Perancangan Projek, Tingkat 4, Negara Brunei Darussalam. Tarikh akhir mengambil dokumen dan lukisan tawaran adalah tidak lewat daripada **Khamis, 5 Disember 2019, jam 3.00 Petang.**

5. Sebelum dokumen tawaran dikeluarkan, setiap pemborong dikehendaki untuk membawa dokumen yang menunjukkan bahawa pemborong adalah berdaftar di Kementerian Pembangunan dalam kelas dan kategori kerja yang ditetapkan dan menepati syarat-syarat untuk mengikuti tawaran.

6. Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang mempunyai pengecualian tidak akan dilayan.

7. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.

8. Tawaran akan dikira sah laku dalam tempoh 180 hari dari tarikh akhir menghantar tawaran.

9. Penawar yang menolak atau membatalkan tawaran atau kontrak setelah kebenaran tawaran diperoleh akan dikenakan denda selaras mengikut peraturan dan garis pandu yang diberikan oleh Lembaga Tawaran Negara rujukan: LTN/4(39/1997).

10. Wakil syarikat yang hadir mengambil dokumen tawaran hendaklah wakil yang dibenarkan oleh syarikat yang berkenaan dan hendaklah membawa bersama surat pengesahan dari syarikat dan kad pengenalan wakil untuk rujukan jabatan sebelum dokumen tawaran diserahkan.

## KEMENTERIAN PERTAHANAN

**TAWARAN NO. :**
**JPPK / LTN / 14 / 2019**
**FIVE (5) YEARS TERM CONTRACT FOR THE FACILITIES MANAGEMENT AND MAINTENANCE OF ROYAL BRUNEI NAVAL BASE, MUARA, MINISTRY OF DEFENCE**

**BAYARAN TAWARAN (TIDAK DIKEMBALIKAN):**
**BND1,000.00 - Yuran Tawaran**
**BND5.00 - E-Dokumen**
**Jumlah - BND1,005.00**

**DOKUMEN 'MINISTRY OF DEFENCE : STANDARD SCHEDULE OF RATES (MINDEF SOR) 2019 EDITION' (TIDAK DIKEMBALIKAN) :**
**BND500.00 satu set (dalam bentuk CD)**

**KELAS : V & KE ATAS**

**KATEGORI : KA01 & B01**

**TEMPOH PENYIAPAN :**
**LIMA (5) TAHUN**

**TARIKH AKHIR MEMBELI DAN MENGAMBIL DOKUMEN TAWARAN :**
**JUMAAT, 13 DISEMBER 2019**
**(JAM 10.30 PAGI)**

**TARIKH TUTUP TAWARAN :**
**SELASA, 24 DISEMBER 2019**
**(TIDAK LEWAT JAM 2.00 PETANG)**

**SYARAT-SYARAT TAWARAN :**

a. TAWARAN-tawaran hendaklah dimasukkan ke Peti Tawaran, Lembaga Tawaran Kecil, Bangunan Arkib Pertahanan, Aras Bawah, Kementerian Pertahanan, Bolkiah Garison, BB3510, Negara Brunei Darussalam.

Dokumen-dokumen tawaran bolehlah diperoleh dari **Bangunan Arkib aras bawah, Kementerian Pertahanan, Bolkiah Garison, BS3510 Negara Brunei Darussalam** semasa hari-hari bekerja (Isnin hingga Jumaat).

b. Bayaran Tawaran 'Tender Fee' hendaklah dibayar di alamat berikut :

**Kaunter Kutipan Hasil**
**Blok C, Tingkat 1**
**Bahagian Pentadbiran dan Kewangan**
**Jabatanarah Kewangan & Perolehan**
**Kementerian Pertahanan**
**Bolkiah Garison.**

**Waktu bagi menerima bayaran pada hari-hari biasa :**
**Isnin** hingga **Khamis**
**8.00 Pagi** hingga **12.00 Tengah Hari**
**2.00 Petang** hingga **3.00 Petang**
**Jumaat**
**8.00 Pagi** hingga **11.00 Pagi**

c. Pembekal adalah dikehendaki membayar yuran Dokumen dan Bayaran Tawaran bagi semua tawaran seperti yang diiklankan. Yuran Tawaran adalah dikehendaki dan tidak akan dikembalikan kepada setiap pemborong sama ada yang berjaya atau yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang jujur (*bona-fide-tender*). Kadar yuran Tawaran adalah seperti yang ditetapkan dalam iklan tawaran.

d. Sesi penerangan ringkas tawaran rasmi akan diadakan di **Tingkat 1, Blok D, Bilik Mesyuarat, Jabatanarah Pembangunan dan Perkhidmatan Kerja, Bolkiah Garison** pada jam **10.00 Pagi** pada **Selasa, 17 Disember 2019**. Kedatangan adalah dimestikan kepada penender-penender yang telah mengambil dokumen tawaran sebelum dan pada **13 Disember 2019**.

e. Penender adalah bertanggungjawab bagi memastikan dokumen-dokumen berikut dikemas kini dan disahkan sebelum membuat pembelian dokumen tawaran :

i. Sijil Pendaftaran Syarikat dan Form 16 / 17 / Form X;

ii. Sijil Pendaftaran Kontraktor dengan Kementerian Pembangunan dikemas kini dan sah, dan menepati Kelas dan Kategori yang akan diikuti;

iii. Sijil Pendaftaran Syarikat Pembekal dengan Kementerian Pembangunan dikemas kini dan sah;

iv. Lesen Pembina (Builder's Licence) dengan Autoriti Kawalan Bangunan dan Industri Pembinaan, Kementerian Pembangunan yang dikemas kini dan sah;

v. Sijil Pengutipan Cukai Tahunan (Tax Compliance Certificate) dari Kementerian Kewangan yang terkini dan sah;

vi. Statement of Annual Returns yang terkini dan sah;

vii. Sijil Pendaftaran TAP (bagi syarikat dan pekerja tempatan) yang terkini dan sah)

Kegagalan penender dalam menyediakan dokumen-dokumen tersebut di atas boleh menyebabkan tawaran dihadapkan tidak sah dan tidak akan dinilai.

Para penender yang berhasrat menyertai tawaran ini adalah disarankan untuk mendapatkan maklumat dan syarat penuh di tempat mengambil dokumen tawaran.

## JABATAN KERJA RAYA
## KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

**DIBUKAKAN KEPADA PEMBORONG-PEMBORONG YANG BERDAFTAR DI DALAM KELAS : II & III SAHAJA**
**KATEGORI : [KA01]**

**TARIKH MENGAMBIL DOKUMEN TAWARAN PADA :**
27 NOVEMBER 2019 (RABU)

**TARIKH AKHIR MENGAMBIL DOKUMEN TAWARAN PADA :**
17 DISEMBER 2019 (SELASA), JAM 3.30 PETANG

**TARIKH TUTUP TAWARAN PADA :**
24 DISEMBER 2019 (SELASA) JAM 2.00 PETANG

**BILANGAN :**
JKR / DOR / SRM 23 / 2019

**NAMA PROJEK :**
KERJA-KERJA PEMELIHARAAN RUTIN DI DAERAH TEMBURONG

**YURAN TAWARAN :**
BND30.00 (TIDAK DIKEMBALIKAN)

**E - DOKUMEN : TIDAK ADA**

## KEMENTERIAN KESIHATAN

**PEMBERITAHUAN TAWARAN**
**KEMENTERIAN KESIHATAN**
**NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

1. DOKUMEN-dokumen tawaran serta penerangan lanjut bolehlah diperoleh dari Bahagian Perolehan, Tingkat Bawah Kementerian Kesihatan, Commonwealth Drive, Bandar Seri Begawan, semasa waktu-waktu bekerja, mulai **Rabu, 13 November 2019**. Sila layari laman sesawang Kementerian Kesihatan *www.moh.gov.bn.*

2. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang tertutup dengan menyatakan bilangan tajuk tawaran serta tarikh tutup tanpa menunjukkan identiti pemborong dan dialamatkan kepada :

**Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil**
**Peti Tawaran, Tingkat Bawah**
**Kementerian Kesihatan**
**Commonwealth Drive**
**Bandar Seri Begawan, BB3910**
**Negara Brunei Darussalam**

3. Yuran tawaran (*tender fee*) bagi tiap-tiap tawaran adalah seperti dinyatakan dan dikehendaki pembayaran dengan **WANG TUNAI** sahaja **(dan yuran tawaran tidak akan dikembalikan**). Pembayaran hendaklah dibuat di Bahagian Perolehan, Tingkat Bawah, Kementerian Kesihatan, Commonwealth Drive, Bandar Seri Begawan semasa waktu- waktu bekerja.

**Waktu Menerima Bayaran**
**Isnin** hingga **Khamis**
**8.00 Pagi** hingga **11.00 Pagi**
**2.00 Petang** hingga **3.00 Petang**
**Sabtu**
**8.00 Pagi** hingga **10.00 Pagi**

4. Mana-mana pemborong yang berhasrat untuk menyertai tawaran-tawaran yang diiklankan di bawah Kementerian Kesihatan disarankan untuk mendapatkan keterangan lanjut mengenai dengan pensyaratan-pensyaratan tawaran di dalam laman sesawang Kementerian Kesihatan *www.moh.gov.bn.*

**TAWARAN**

**BILANGAN TAWARAN :**
**KK / 243 / 2019 / 2020 / LAB (TC)**
**KETERANGAN :**
**TO SUPPLY AND DELIVEROF LABORATORY CONSUMABLES (BIOHAZARDZIP-LOCK BAG WITH POCKET) FOR PHLEBOTOMY AND CSRA, DEPARTMENT OF LABORATORY SERVICES, MINISTRY OF HEALTH FOR A PERIOD OF FIVE (5) YEARS USAGE**
**YURAN TAWARAN :**
**BND30.00**

**BILANGAN TAWARAN :**
**KK / 244 / 2019 / 2020 / HTD**
**KETERANGAN :**
**TO REPAIR ONE (1) UNIT OF X-RAY C-ARC FOR ESWL LITHOTRIPTER (BME7907) AT UROLOGY CLINIC DEPARTMENT, RIPAS HOSPITAL FOR MINISTRY OF HEALTH**
**YURAN TAWARAN :**
**BND10.00**

**BILANGAN TAWARAN :**
**KK / 245 / 2019 / 2020 / ESTETRIPASH**
**KETERANGAN :**
**DESIGN AND CONSTRUCT OF FLOATING DOCK AND GANGWAY SYSTEM FOR JETTY, RAJA ISTERI PENGIRAN ANAK SALEHA HOSPITAL**
**Pembekal / Pemborong :**
**Berdaftar dengan Kementerian Kesihatan dan Kementerian Pembangunan**
**Kelas : II dan keatas**
**Kategori : B01, KA01**
**YURAN TAWARAN :**
**BND30.00**

**BILANGAN TAWARAN :**
**DRG / 246 / 2019 / 2020**
**KETERANGAN :**
**THE SUPPLY AND DELIVERY OF MEDICINES FOR THE DEPARTMENT OF PHARMACEUTICAL SERVICES FOR A PERIOD OF THREE (3) YEARS**
**Kelayakan Pemborong / Pembekal :**
**Berdaftar dengan Kementerian Kesihatan dan mempunyai Lesen Racun yang sah 'Poison Act' (Cap 114)**
**YURAN TAWARAN :**
**BND100.00**

**BILANGAN TAWARAN :**
**DRG / 247 / 2019 / 2020**
**KETERANGAN :**
**THE SUPPLY AND DELIVERY OF MEDICINES FOR THE DEPARTMENT OF PHARMACEUTICAL SERVICES FOR A PERIOD OF THREE (3) YEARS**
**Kelayakan Pemborong / Pembekal :**
**Berdaftar dengan Kementerian Kesihatan dan mempunyai Lesen Racun yang sah 'Poison Act' (Cap 114)**
**YURAN TAWARAN :**
**BND50.00**

**BILANGAN TAWARAN :**
**DRG / 248 / 2019 / 2020**
**KETERANGAN :**
**THE SUPPLY AND DELIVERY OF MEDICINES FOR THE DEPARTMENT OF PHARMACEUTICAL SERVICES FOR A PERIOD OF THREE (3) YEARS**
**Kelayakan Pemborong / Pembekal :**
**Berdaftar dengan Kementerian Kesihatan dan mempunyai Lesen Racun yang sah 'Poison Act' (Cap 114)**
**YURAN TAWARAN :**
**BND500.00**

**BILANGAN TAWARAN :**
**DRG / 249 / 2019 / 2020**
**KETERANGAN :**
**THE SUPPLY AND DELIVERY OF MEDICINES FOR THE DEPARTMENT OF PHARMACEUTICAL SERVICES FOR A PERIOD OF THREE (3) YEARS**
**Kelayakan Pemborong / Pembekal :**
**Berdaftar dengan Kementerian Kesihatan dan mempunyai Lesen Racun yang sah 'Poison Act' (Cap 114)**
**YURAN TAWARAN :**
**BND30.00**

**BILANGAN TAWARAN :**
**DRG / 250 / 2019 / 2020**
**KETERANGAN :**
**THE SUPPLY AND DELIVERY OF MEDICINES FOR THE DEPARTMENT OF PHARMACEUTICAL SERVICES FOR A PERIOD OF THREE (3) YEARS**
**Kelayakan Pemborong / Pembekal :**
**Berdaftar dengan Kementerian Kesihatan dan mempunyai Lesen Racun yang sah 'Poison Act' (Cap 114)**
**YURAN TAWARAN :**
**BND100.00**

**TARIKH TUTUP :**
**10 DISEMBER 2019**
**Tidak lewat jam 2.00 Petang**

**IKLAN *WEBSITE* PADA**
**13 NOVEMBER 2019**

## MAHKAMAH PEGAWAI WARIS, TUTONG

**DI DALAM MAHKAMAH PEGAWAI WARIS, TUTONG**

**SURAT KUASA PUSAKA :**
**TUT / LA / 48 / 2019**

**KENYATAAN**

BAHAWA permohonan kepada mahkamah ini telah diperbuat oleh **MELUDIN BIN HAJI ABIDIN** kerana minta Surat Kuasa kepada harta pusaka yang dipunyai oleh **HAJAH DAYANG ALAM BINTI LAHIM** yang telah meninggal dunia di dalam **NEGARA BRUNEI DARUSSALAM** dengan sebab, iaitu si pemohon ialah **ANAK** kepada si mati.

Oleh itu, kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam **MAHKAMAH DAERAH TUTONG** pada **7 DISEMBER 2019, jam 9.00 Pagi.**

Orang-orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan ke **MAHKAMAH PEGAWAI WARIS, TUTONG** sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Tarikh : 26 November 2019.

**SURAT KUASA PUSAKA :**
**TUT / LA / 58 / 2019**

**KENYATAAN**

BAHAWA permohonan kepada mahkamah ini telah diperbuat oleh **SITI ROHANI BINTI AWANG HAJI YAHYA** kerana minta Surat Kuasa kepada harta pusaka yang dipunyai oleh **SURINAN BIN HAJI TAHAMID** yang telah meninggal dunia di dalam **NEGARA BRUNEI DARUSSALAM** dengan sebab, iaitu si pemohon ialah **BALU** kepada si mati.

Oleh itu, kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam **MAHKAMAH DAERAH TUTONG** pada **7 DISEMBER 2019, jam 9.00 Pagi.**

Orang-orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan ke **MAHKAMAH PEGAWAI WARIS, TUTONG** sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Tarikh : 27 November 2019.

**SURAT KUASA PUSAKA :**
**TUT / LA / 63 / 2019**

**KENYATAAN**

BAHAWA permohonan kepada mahkamah ini telah diperbuat oleh **HAJI MATALI BIN HAJI LASIM** kerana minta Surat Kuasa kepada harta pusaka yang dipunyai oleh **HAJI DULASIM BIN LAHIM @ HAJI LASSIM / HAJI LASIM BIN LAHIM** yang telah meninggal dunia di dalam **NEGARA BRUNEI DARUSSALAM** dengan sebab, iaitu si pemohon ialah **ANAK** kepada si mati.

Oleh itu, kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam **MAHKAMAH DAERAH TUTONG** pada **7 DISEMBER 2019, jam 9.00 Pagi.**

Orang-orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan ke **MAHKAMAH PEGAWAI WARIS, TUTONG** sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Tarikh : 26 November 2019.

**DK. NORAFIDAH**
**BINTI PG. HAJI BUNGSU**
**B/P. TIMBALAN PEGAWAI WARIS**
**TUTONG**
**NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.**

## JABATAN KEMAJUAN PELANCONGAN
## KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN

**JABATAN KEMAJUAN PELANCONGAN**
**KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN**
**NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**BILANGAN TAWARAN :**
**JKP / KSSUP / LTK / 2019-2020 / 3**

**TAJUK TAWARAN :**
**EVENT ORGANISER FOR ASEAN TOURISM FORUM 2020 OPENING CEREMONY 14TH JANUARY 2020 AND FAREWELL RECEPTION 16TH JANUARY 2020**

**DOKUMEN TAWARAN :**
**BND10.00 (tidak dikembalikan)**

**TARIKH TUTUP TAWARAN :**
**SELASA, 10 DISEMBER 2019**
**JAM 2.00 PETANG**

**Syarat-Syarat Tawaran :**

1. TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari syarikat-syarikat yang memberikan perkhidmatan konsultan yang berdaftar. Tawaran-tawaran hendaklah dialamatkan kepada :

**Pengerusi**
**Lembaga Tawaran Kecil**
**Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan**
**Jalan Menteri Besar**
**Bandar Seri Begawan, BB3910**
**Negara Brunei Darussalam.**

dan dimasukkan ke dalam Peti Tawaran yang terletak di Tingkat Bawah, Bangunan Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Jalan Menteri Besar, Bandar Seri Begawan, BB3910, Negara Brunei Darussalam, tidak lewat daripada tarikh dan masa yang telah ditetapkan seperti yang dinyatakan di dalam tawaran tersebut.

2. Untuk makluman, penender yang berminat dijemput untuk menghadiri taklimat mengenai tawaran semasa *information day* pada **3 Disember 2019** bermula pada jam 3.30 Petang bertempat :

**Bilik Mesyuarat Usahawan**
**Tingkat 3**
**Jabatan Kemajuan Pelancongan**
**Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan**
**Jalan Menteri Besar**
**Bandar Seri Begawan, BB3910**
**Negara Brunei Darussalam.**

3. Sijil Pendaftaran syarikat hendaklah disertakan semasa mengembalikan borang tawaran.

4. Dokumen-dokumen tawaran dan borang-borang tawaran serta penerangan lanjut bolehlah diperoleh dari Jabatan Kemajuan Pelancongan, Tingkat 3, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Jalan Menteri Besar, Bandar Seri Begawan, BB3910, Negara Brunei Darussalam.

5. Pembayaran yuran tawaran hendaklah dibuat di Bahagian Pentadbiran dan Kewangan, Jabatan Kemajuan Pelancongan, Tingkat 3, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan pada waktu-waktu seperti berikut :

**Isnin** hingga **Khamis**
**8.00 Pagi** hingga **12.00 Tengah Hari**
**1.30 Petang** hingga **3.00 Petang**
**Sabtu**
**8.00 Pagi** hingga **10.00 Pagi**

6. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dengan menggunakan Borang Tawaran asal yang telah disediakan.

7. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah atau sebarang tawaran.

## JABATAN KEMAJUAN PELANCONGAN
## KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN

**JABATAN KEMAJUAN PELANCONGAN**
**KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN**
**NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**BILANGAN TAWARAN :**
**JKP / SH / 2019-2020 / 25**

**TAJUK TAWARAN :**
**EVENT ORGANISER FOR ASEAN TOURISM FORUM 2020 NATIONAL TOURISM ORGANISER (NTO) DINNER 12TH JANUARY 2020**

**DOKUMEN TAWARAN :**
**BND10.00 (tidak dikembalikan)**

**TARIKH TUTUP TAWARAN :**
**KHAMIS, 12 DISEMBER 2019**
**JAM 2.00 PETANG**

**Syarat-Syarat Tawaran :**

1. TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari syarikat-syarikat yang memberikan perkhidmatan konsultan yang berdaftar. Tawaran-tawaran hendaklah dialamatkan kepada :

**Pengerusi**
**Jawatankuasa Sebut Harga**
**Jabatan Kemajuan Pelancongan**
**Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan**
**Jalan Menteri Besar**
**Bandar Seri Begawan, BB3910**
**Negara Brunei Darussalam.**

dan dimasukkan ke dalam Peti Tawaran yang terletak di Tingkat 3, Bangunan Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Jalan Menteri Besar, Bandar Seri Begawan, BB3910, Negara Brunei Darussalam, tidak lewat daripada tarikh dan masa yang telah ditetapkan seperti yang dinyatakan di dalam tawaran tersebut.

2. Untuk makluman, penender yang berminat dijemput untuk menghadiri taklimat mengenai tawaran semasa *information day* pada **3 Disember 2019** bermula pada jam 2.00 Petang bertempat :

**Bilik Mesyuarat Usahawan**
**Tingkat 3**
**Jabatan Kemajuan Pelancongan**
**Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan**
**Jalan Menteri Besar**
**Bandar Seri Begawan, BB3910**
**Negara Brunei Darussalam.**

3. Sijil Pendaftaran syarikat hendaklah disertakan semasa mengembalikan borang tawaran.

4. Dokumen-dokumen tawaran dan borang-borang tawaran serta penerangan lanjut bolehlah diperoleh dari Jabatan Kemajuan Pelancongan, Tingkat 3, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Jalan Menteri Besar, Bandar Seri Begawan, BB3910, Negara Brunei Darussalam.

5. Pembayaran yuran tawaran hendaklah dibuat di Bahagian Pentadbiran dan Kewangan, Jabatan Kemajuan Pelancongan, Tingkat 3, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan pada waktu-waktu seperti berikut :

**Isnin** hingga **Khamis**
**8.00 Pagi** hingga **12.00 Tengah Hari**
**1.30 Petang** hingga **3.00 Petang**
**Sabtu**
**8.00 Pagi** hingga **10.00 Pagi**

6. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dengan menggunakan Borang Tawaran asal yang telah disediakan.

7. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah atau sebarang tawaran.

## JABATAN KERJA RAYA
## KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

**DIBUKAKAN KEPADA PEMBORONG-PEMBORONG YANG BERDAFTAR DENGAN KEMENTERIAN PEMBANGUNAN DI DALAM KELAS : IV, V & VI**
**KATEGORI :**
**B01 SAHAJA - KOD BAHARU**

**TARIKH AKHIR MENGAMBIL DOKUMEN TAWARAN PADA :**
**10 DISEMBER 2019 (SELASA)**

**TARIKH TUTUP :**
**24 DISEMBER 2019 (SELASA)**
**JAM 2.00 PETANG**

**BILANGAN TAWARAN :**
**JKR / DTS / 26 / CQS / 2019 - T / V**

**NAMA PROJEK :**
**PEMBINAAN BLOK BAHARU PUSAT KESIHATAN JUBLI PERAK SENGKURONG - BLOK PENJAGAAN KESIHATAN ASASI**

**NO. PROJEK :**
**JKR / DTS / RKN / 54 / 2018**

**YURAN TAWARAN :**
**BND500.00**
**(TIDAK DIKEMBALIKAN)**

**YURAN E -DOKUMEN : BND5.00**

**DIBUKAKAN KEPADA PEMBORONG-PEMBORONG YANG BERDAFTAR DENGAN KEMENTERIAN PEMBANGUNAN DI DALAM KELAS : OPEN**
**KATEGORI :**
**P06 SAHAJA - KOD BAHARU**

**TARIKH AKHIR MENGAMBIL DOKUMEN TAWARAN PADA :**
**10 DISEMBER 2019 (SELASA)**

**TARIKH TUTUP :**
**24 DISEMBER 2019 (SELASA)**
**JAM 2.00 PETANG**

**BILANGAN TAWARAN :**
**JKR / DTS / 27 / CQS / 2019 - T / III**

**NAMA PROJEK :**
**PROJEK PEMBINAAN BANGUNAN BAHARU SIARAN LUAR DI KOMPLEKS RTB, SUNGAI AKAR, LOOSE FURNITURE, BLINDS AND SIGNAGES**

**NO. PROJEK :**
**JKR / DTS / RKN / 53 / 2019 (a)**

**YURAN TAWARAN :**
**BND50.00**
**(TIDAK DIKEMBALIKAN)**

**YURAN E -DOKUMEN : -**

# Ahli MMN saksikan Latihan Kecemasan LTAB

Berita dan Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi

**BERAKAS,** Khamis, 5 Disember - Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi (MTIC) mengalu-alukan kehadiran Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN) semasa Latihan Kecemasan Lapangan Terbang Antarabangsa Berakas (LTAB) sebagai sebahagian daripada Program Muzakarah bersama Ahli-ahli MMN yang berlangsung di Kelab Rekreasi Diraja Brunei (RBRC) dan LTAB, di sini.

Hadir menyaksikan latihan berkenaan ialah Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Abdul Mutalib bin Pehin Orang Kaya Seri Setia Dato Paduka Haji Mohammad Yusof.

Latihan bertujuan untuk mempamerkan tahap kesiapsiagaan Jabatan Penerbangan Awam serta agensi-agensi lainnya dalam menangani kecemasan dan komunikasi sewaktu krisis di samping menguji cuba pelan mitigasi sewaktu berlakunya kecemasan.

Fokus utama latihan tersebut juga menilai fokus strategik lebih-lebih lagi dalam memastikan Keselamatan dan Kebajikan orang awam dengan memastikan kompetensi keselamatan, kemampuan dan kesediaan Jabatan Penerbangan Awam dan agensi lainnya yang menyumbang ke arah keselamatan penerbangan di Negara Brunei Darussalam.

Semasa latihan berlangsung ianya turut memberikan peluang kepada Ahli-ahli MMN untuk menyaksikan latihan (table top) dijalankan dan menyaksikan sendiri demonstrasi menyelamat melibatkan Pasukan Bomba Lapangan Terbang serta pihak pengurusan kecederaan dan diikuti dengan latihan Sidang Media yang telah dipengerusikan oleh Pemangku Pengarah Jabatan Penerbangan Awam.

Turut terlibat menjayakan latihan melibatkan insiden kebakaran sebuah kapal terbang semasa pendaratan di LTAB ialah Pasukan Polis Diraja Brunei, Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Pusat Pengurusan Bencana Kebangsaan, Kementerian Kesihatan, agensi-agensi kerajaan, syarikat-syarikat penerbangan dan stakeholder lapangan terbang.

Muzakarah seumpamanya adalah merupakan kali kedua ianya diadakan kelolaan MTIC. Pada 21 November yang lalu latihan melibatkan Latihan Keselamatan Maritime yang diadakan melibatkan kapal MV Shuttle Hope yang berlepas dari Terminal Penumpang Serasa, Muara yang mengalami kegagalan enjin yang disebabkan oleh kebakaran.

Turut hadir ialah Syarikat Penerbangan Diraja Brunei (RB); wakil-wakil Lembaga Pengarah; Pemangku Setiausaha Tetap dan Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Pengangkutan), MTIC.



**LATIHAN Kecemasan yang berlangsung di Kelab Rekreasi Diraja Brunei (RBRC) dan LTAB. Antaranya termasuklah latihan melibatkan insiden kebakaran sebuah kapal terbang semasa pendaratan di LTAB.**



**MENTERI Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Abdul Mutalib bin Pehin Orang Kaya Seri Setia Dato Paduka Haji Mohammad Yusof (kanan) dan Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN) ketika menyaksikan Latihan Kecemasan Lapangan Terbang Antarabangsa Berakas (LTAB).**

# Pelajar Program Curahan Ilmu lulus cemerlang PSR

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Azmah Haji Ahad



**MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin (kiri) semasa menyampaikan hadiah dan sijil kepada para peserta Program Curahan Ilmu 2019 yang diraikan.**

**TANAH JAMBU,** Jumaat, 6 Disember. - Inisiatif Program Curahan Ilmu yang memberikan perkhidmatan tuisyen kepada 40 pelajar Tahun 6 yang menduduki Peperiksaan Penilaian Sekolah Rendah (PSR) pada tahun ini memberikan makna yang mendalam bagi mereka, bilamana kesemua pelajar yang mengikuti program tersebut lulus dengan cemerlang pada PSR lalu.

Program Curahan Ilmu 2019 bermula pada 27 Januari lalu dan berakhir pada 23 Oktober lepas, di mana para peserta diberikan pembelajaran tuisyen secara percuma bagi empat mata pelajaran, iaitu Bahasa Melayu, Matematik, Sains dan Bahasa Inggeris.

Sehubungan itu, satu Majlis Doa Selamat yang diselajurkan dengan Penutup Program Curahan Ilmu 2019 diadakan di Dewan Bina Diri, Pusat Pembangunan Belia, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis yang kemudiannya menyempurnakan Penyampaian Sijil kepada peserta Program Curahan Ilmu, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin.

Yang Berhormat dalam ucapannya melahirkan rasa terharu dan berbangga atas pencapaian cemerlang pelajar-pelajar yang mengikuti program berkenaan, sekali gus mencerminkan bukan sahaja kejayaan pelajar, malah juga kejayaan kerjasama yang padu daripada kepimpinan sesebuah mukim dan kampung, syarikat swasta dan pihak kerajaan.

Pada masa yang sama, Yang Berhormat turut menyarankan kepada para ibu bapa untuk sentiasa memberikan sokongan padu secara berterusan kepada anak-anak mereka demi meraih kejayaan pada masa akan datang.

"Ke arah ini, marilah kita teruskan usaha baik ini dalam tahun-tahun yang mendatang demi untuk merealisasikan masa depan yang terbaik, di samping memenuhi harapan kita agar semua anak-anak kita akan meraih kejayaan yang berterusan dalam kehidupan mereka tanpa mengira latar belakang," jelasnya.

Kesemua peserta yang mengikuti program tersebut adalah daripada golongan keluarga yang sangat memerlukan perhatian dalam pembelajaran terdiri dari RPN Panchor Mengkubau, Kampung Sungai Besar, Kampung Mentiri, RPN Mentiri, Katok, Perpindahan Lambak, Meragang, Batu Marang, Tanah Jambu dan Kampung Belimbing, Subok.

Program berkenaan memberikan impak besar ke arah meningkatkan prestasi pelajar-pelajar daripada golongan yang tertentu dan yang memerlukan bimbingan secara inklusif, demi untuk membolehkan mereka meneruskan pendidikan juga mencapai tahap kecemerlangan tinggi sama seperti pelajar-pelajar yang lain.

Program Curahan Ilmu 2019 dianjurkan oleh Majlis Perundingan Kampung RPN Panchor Mengkubau melalui Biro Kemasyarakatan dan Perhubungan (BKP), Teachmeguru di bawah Kelab Komuniti Belia Transformasi (KKBT), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dengan sokongan bersama Jabatan Daerah Brunei dan Muara yang menyasarkan pelajar-pelajar Tahun 6 yang akan menduduki Peperiksaan PSR.

Turut menyokong dan menjaya keperluan program tersebut terdiri daripada Pengurus Restoran Syarikat Masjafree yang menjaya baju-baju pelajar dan ahli jawatankuasa juga Syarikat Golden Bakery dalam tajaan pembekalan roti (*bun*) kepada para pelajar semasa sesi pembelajaran (setiap Jumaat dan Ahad) selama sepuluh bulan.

Di sepanjang sesi pembelajaran tersebut, para pelajar ditempatkan di empat buah kelas di Sekolah Rendah Dato Mohd. Yassin sebagai penempatan Program Curahan Ilmu 2019.

# Bantu kesan Nurlita Natassa

Siaran Akhbar dan Foto :
Pasukan Polis Diraja Brunei

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Khamis, 5 Disember. - Pasukan Polis Diraja Brunei memohon bantuan dan kerjasama orang ramai untuk mengesan seorang remaja perempuan, Nurlita Natassa binti Jamal, warga tempatan, berusia 15 tahun, dengan nombor Kad Pengenalan 31-017003 (U) yang dipercayai lari dari rumah.

Sehubungan itu, sesiapa yang mempunyai sebarang maklumat mengenai remaja berkenaan diminta untuk menghubungi Balai Polis Labi +673 233233 atau Talian Kecemasan Polis 993 atau pergi ke mana-mana Balai Polis berdekatan.



**NURLITA Natassa binti Jamal, warga tempatan, berusia 15 tahun, dengan nombor Kad Pengenalan 31-017003 (U) yang dipercayai lari dari rumah.**

# Hindarkan diri daripada gejala rasuah




**BERTAQWALAH** kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan sebenar-benar taqwa, iaitu dengan meningkatkan keimanan kepada-Nya. Sesungguhnya orang yang paling mulia di sisi Allah Subhanahu Wata'ala ialah orang yang paling bertaqwa. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang sentiasa mengingati Allah Subhanahu Wata'ala, beroleh kejayaan dan keselamatan di dunia dan jua di akhirat.

Allah Subhanahu Wata'ala telah mengurniakan berbagai-bagai sumber rezeki di muka bumi ini untuk makhluk ciptaan-Nya. Bagi kita manusia pula, kita dianjurkan untuk berusaha mencari rezeki dengan usaha dan kudrat yang telah dikurniakan oleh Allah Subhanahu Wata'ala. Oleh itu, dalam usaha kita mencari rezeki, kita hendaklah sentiasa mengikuti panduan dan landasan ajaran agama Islam agar sumber rezeki yang diperolehi itu tidak dicemari oleh perkara-perkara dan hasil-hasil yang tidak diredai oleh Allah Subhanahu Wata'ala seperti mencuri, pecah amanah, rasuah dan seumpamanya.

Ketahuilah, rasuah adalah antara perbuatan yang keji dan dilarang di dalam agama Islam. Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Baqarah, Ayat 188, yang tafsirannya :

*"Dan janganlah kamu makan harta (orang lain) antara kamu dengan jalan yang batil dan janganlah kamu menghulurkan harta kamu (memberi rasuah) kepada hakim-hakim supaya kamu dapat mengambil bahagian daripada harta orang dengan cara berbuat dosa pada hal kamu mengetahui salahnya.*

Rasuah adalah suatu pemberian berupa sogokkan yang diberikan kepada seseorang dengan sebab tertentu bagi membolehkan suatu perkara yang dihajati itu diperolehi, diselesaikan, disegerakan dan sebagainya. Sesungguhnya orang yang memberi dan menerima rasuah bukan saja mendapat dosa besar, bahkan juga mendapat laknat daripada Allah Subhanahu Wata'ala. Daripada Abdullah bin Umar Radhiallahuanhuma, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang bermaksud :

*"Laknat Allah ke atas pemberi rasuah dan penerima rasuah."* - Riwayat Al-Imam Ibnu Majjah.

Perbuatan dan gejala rasuah adalah penyakit dalam sesuatu masyarakat kerana kesan dan implikasinya terhadap sosioekonomi dan politik boleh mengheret individu, masyarakat, bangsa mahupun negara kepada bencana dan kehancuran disebabkan oleh sifat tamak dan kerakusan kuasa individu itu sendiri.

Ingatlah, bahawa rasuah tidak pernah menjanjikan kesenangan dan kemewahan yang sebenar, walaupun kita memperolehi keuntungan yang sangat besar darinya. Ini kerana hasil yang diperolehi melalui amalan rasuah adalah haram. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam telah bersabda mengenai balasan ke atas orang-orang yang memakan makanan yang haram. Daripada Kaab bin Ujrat Radiallahuanhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang bermaksud :

*"Sesungguhnya tiap-tiap daging yang tumbuh dari yang haram maka neraka adalah lebih utama baginya."* - Riwayat Al-Imam Al-Bukhari.

Adapun antara punca berlakunya rasuah adalah disebabkan :

**Pertama :** Kurangnya keimanan dan ketaqwaan.

**Kedua :** Mengetahui bahawa rasuah itu adalah dilarang oleh agama dan undang-undang, tetapi tetap dilakukan juga kerana matanya telah dikaburi oleh harta duniawi, imbuhan dan ganjaran yang banyak.

**Ketiga :** Faktor tekanan hidup kerana terlalu dibebani hutang.

**Keempat :** Kurang bijak dalam mengurus hal ehwal kewangan sehingga menyebabkan seseorang itu mudah terjerumus dalam gejala rasuah.

**Kelima :** Kelemahan dalam kepimpinan dan urus tadbir sesuatu organisasi juga boleh memberi ruang dan kesempatan kepada pemberi dan penerima rasuah untuk melakukan jenayah.

Sesungguhnya perbuatan rasuah tidak sesekali akan berlaku, jika seseorang itu berpegang teguh kepada ajaran agama Islam, sentiasa memantapkan keimanan dan ketaqwaan serta takut kepada Allah Subhanahu Wata'ala, walaupun ia berpeluang untuk melakukannya.

Rasuah itu amat merbahaya. Bahayanya adalah amat besar sehingga melibatkan bangsa dan juga negara. Oleh itu, hindarkanlah diri, bangsa dan negara kita dari gejala rasuah. Sebagai umat Islam, kita hendaklah menjauhi dan menghindarkan diri daripada perbuatan rasuah yang ditegah dan dilarang oleh Allah Subhanahu Wata'ala. Amalkanlah sifat jujur dan amanah. Jadikanlah diri kita orang-orang yang tahu membezakan antara yang hak mahupun yang batil.

Bersempena dengan Hari Anti Rasuah Antarabangsa yang disambut setiap tahun pada 9 Disember. Marilah kita bersama-sama berganding bahu dalam memerangi gejala rasuah dengan melaporkan kegiatan tersebut kepada Biro Mencegah Rasuah jika kita mengetahui atau mempunyai sebarang maklumat mengenainya.

Selain itu, pada masa ini musim cuti persekolahan telah pun bermula. Oleh itu, dalam keseronokan menikmati cuti persekolahan, apa yang sangat penting ialah mengutamakan faktor keselamatan diri, keluarga dan harta benda terutamanya pabila berada di jalan raya. Ingatlah, kecuaian para pemandu boleh mengakibatkan kerosakan, kemusnahan kenderaan dan yang lebih dahsyat lagi ialah ia boleh mengakibatkan kehilangan nyawa.

Alhamdulillah, kadar kemalangan jalan raya yang melibatkan kehilangan nyawa telah menurun sebanyak 62 peratus dari tahun 2017 hingga September 2019. Sementara kemalangan jalan raya secara menyeluruh telah menurun kepada 67 peratus dari tahun 2017 hingga September 2019. Akhirnya mudah-mudahan di musim cuti persekolahan ini kita terhindar dari sebarang mara bahaya dan mala petaka dan sentiasa mendapat perlindungan dan rahmat yang berterusan daripada Allah Subhanahu Wata'ala. Aamiin Ya Rabbal Alamin.

Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Ashr, Ayat 1 - 3 yang tafsirannya :

*"Demi masa. Sesungguhnya manusia itu benar-benar dalam kerugian. Kecuali orang-orang yang beriman dan mengerjakan amalan-amalan soleh, dan saling berpesan untuk mengikut yang hak serta saling berpesan untuk bersabar."*

**Siaran Akhbar dan Infografik :**
**Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi**

# IHP menurun sebanyak 0.3 peratus bagi Oktober 2019




**BANDAR SERI BEGAWAN,** Khamis, 5 Disember. - Indeks Harga Pengguna (IHP) bagi bulan Oktober 2019 menurun sebanyak 0.3 peratus tahun ke tahun, berbanding dengan bulan Oktober 2018. Harga Makanan dan Minuman Ringan mencatatkan penurunan sebanyak 0.7 peratus. Harga Bukan Makanan juga menurun sebanyak 0.2 peratus.

Penurunan IHP yang utama adalah disebabkan oleh penurunan harga dan kos Pengangkutan (3.7 peratus); Perumahan, Air, Elektrik, Gas dan Bahan Api Lain (1.7 peratus); dan Makanan dan Minuman Ringan (0.7 peratus).

Walau bagaimanapun, ia diimbangi oleh peningkatan dalam harga dan kos Restoran dan Hotel (5.0 peratus); Rekreasi dan Kebudayaan (1.7 peratus); dan Perhiasan, Peralatan Isi Rumah dan Penyelenggaraan Rutin Isi Rumah (1.2 peratus).

Harga Pengangkutan menurun berikutan penurunan harga kereta; alat ganti kenderaan dan tiket penerbangan. Manakala, penurunan harga Perumahan, Air, Elektrik, Gas dan Bahan Api lain mengambil kira penurunan harga sewa kediaman dan bahan untuk penyelenggaraan dan pembaikan kediaman. Penurunan dalam Makanan dan Minuman Ringan pula adalah disebabkan oleh harga yang menurun bagi biskut; minyak masak; dan ikan dan makanan laut.

Bagi perubahan bulan ke bulan, IHP bagi bulan Oktober 2019 menurun sebanyak 0.1 peratus, berbanding dengan bulan September 2019. Indeks Makanan dan Minuman Ringan dan Indeks Bukan Makanan, masing-masing juga menurun sebanyak 0.1 peratus.

IHP mengukur perubahan harga barangan dan perkhidmatan yang dibayar oleh pengguna dalam satu tempoh masa yang ditetapkan dan dikumpulkan setiap bulan.

Senarai barangan dan perkhidmatan dalam IHP adalah berdasarkan maklumat perbelanjaan purata sebuah keluarga yang diperoleh melalui Kajian Perbelanjaan Keluarga.

Laporan penuh IHP bagi bulan Oktober 2019 boleh didapati melalui laman sesawang JPKE, *www.depd.gov.bn*.



## Apa Pendapat Biskita?

### Vandalisme : Aksi kekanak-kanakan yang memalukan bangsa

NEGARA pembangunan negara tidak ada gunanya, andai rakyat tidak mempunyai tahap kesedaran tinggi dalam menjaga harta benda. Budaya vandalisme tidak menggambarkan kemajuan dilalui negara dan lebih memeritkan apabila amalan ini akan berkekalan menjadi ikutan generasi akan datang dan contoh tidak baik yang ditunjukkan masyarakat hari ini. Siapakah yang sering dikaitkan dengan masalah vandalisme? Apa Pendapat Biskita mengenai hal ini.

"Perbuatan vandalisme harus dielak demi kesejahteraan semua kerana aktiviti ini membuktikan diri kita dipengaruhi sifat *mazmumah*. Menjadi tanggungjawab kita untuk sentiasa memberi peringatan kepada semua golongan masyarakat akan kepentingan menjaga harta benda awam. Sekiranya harta benda dan persekitaran dapat dijaga dengan baik, semua orang termasuk pelancong akan berasa seronok dan selesa. Semua pihak memainkan peranan masing-masing dalam memastikan gejala vandalisme dapat dikawal sebaiknya. Kepada ibu bapa dan penjaga, perlu sentiasa memberi peringatan kepada anak serta ahli keluarga berkaitan perkara ini. Jangan hanya kerana sikap sesetengah masyarakat, ia memberi kesan buruk kepada orang lain. Sesungguhnya memelihara alam sekitar adalah perkara yang dituntut semua agama termasuk Islam". **- Haji Mohd. Raffiuddin Abdullah, Kiarong.**

"Pengaruh rakan sebaya boleh menyebabkan berlakunya vandalisme. Golongan remaja biasanya lebih mudah terikut dan senang terpengaruh dengan rakan mereka. Pengaruh rakan sebaya akan mencorakkan sikap, nilai dan tingkah laku remaja, lebih-lebih lagi remaja yang tercicir dan menghadapi masalah keluarga. Ibu bapa merupakan pendorong kepada sifat vandalisme dalam kalangan remaja. Sebagai contoh, ketika bersiar-siar atau berjalan bersama keluarga, didapati ada sesetengah ibu bapa membuang sampah atau sisa makanan di merata-rata di depan anak-anak mereka, maka berkemungkinan besar anak mereka juga akan berkelakuan seperti itu. Selain itu, sesetengah remaja yang terjebak dalam gejala vandalisme ini berasal daripada keluarga yang bermasalah atau keluarga yang mengamalkan budaya hidup negatif. Selain itu, kurangnya kawalan dan bimbingan yang sempurna daripada ibu bapa juga antara faktor utama mendorong remaja terjebak di dalam gejala negatif ini. Media massa mempunyai pengaruh yang sangat kuat dan akan meninggalkan kesan yang sangat kuat dewasa ini. Paparan adegan-adegan negatif daripada filem-filem atau rancangan dari Barat yang mempunyai unsur-unsur berunsur ke arah vandalisme boleh mempengaruhi remaja melakukan vandalisme. Ibu bapa perlu memainkan peranan dengan memberi tunjuk ajar kepada golongan remaja tentang kepentingan menjaga harta benda awam". **- Fadzillah Marhimin, BSB.**

"Vandalisme adalah suatu budaya negatif yang perlu diberikan perhatian serius oleh semua pihak sama ada masyarakat, badan-badan NGO, orang perseorangan dan pihak kerajaan. Budaya ini sering dikaitkan dengan pelajar sama ada yang masih bersekolah mahupun yang tercicir dalam bidang pelajaran. Gejala vandalisme ini terjadi kerana terpengaruh dengan budaya tidak sihat, yang boleh dikaitkan dengan jenayah di sisi moral. Banyak faktor yang mendorong berlakunya budaya atau gejala vandalisme tersebut. Meskipun vandalisme pelajar di negara ini masih pada tahap yang rendah dan terkawal namun kita tidak harus leka. Ini kerana para pelajar terdedah kepada maklumat yang pantas daripada media massa, internet, telefon bimbit, gadget dan sebagainya. Jika perkara ini diabaikan, maka kos penanganan dan penyelenggaraan yang tinggi serta menyusahkan masyarakat. Ke arah itu, ramuan terbaik mengatasi gejala vandalisme ini adalah menjalin kerjasama dan bersatu membanterasnya. Ibu bapa perlu bertanggungjawab untuk membimbing anak sejak kecil agar mereka tahu membezakan perkara yang baik dan buruk. Didikan ibu bapa dan keluarga sejak zaman kanak-kanak amat berguna dan berkesan dalam pembentukan akhlak dan keperibadian pelajar. Pihak sekolah pula mesti menekankan kesan dan nilai negatif gejala tersebut melalui program atau aktiviti berkaitan dengan vandalisme di samping memberikan pendekatan terbaik terhadap pelajaran sivik, agama dan Melayu Islam Beraja supaya pembentukan sahsiah atau keperibadian diri, disiplin, pegangan hidup dan semangat patriotik dapat disemai kukuh dalam sanubari pelajar. Kerjasama komuniti masyarakat juga dapat mengawal dan mengurangkan gejala vandalisme dalam lingkungan masyarakat. Penggubalan peraturan dan undang-undang pula dirasakan suatu keperluan bagi tujuan mendidik dan membentuk jati diri dan akhlak pelajar dan masyarakat umumnya selain menghukum pesalah-pesalah vandalisme". **- K.bollat, BSB.**

Biskita dialu-alukan menyumbangkan pendapat biskita dengan dua tajuk di bawah, sama ada menggunakan nama sebenar atau nama pena.
Sila e-melkan pendapat biskita ke :
*pelita.brunei@information.gov.bn*

**i. Kegiatan Jenayah Dalam Kalangan Remaja**
**ii. Didik Anak-Anak Hormati Warga Emas**

# Jadikan kemenangan titik permulaan mendalami ilmu bacaan Al-Quran



JOHAN qari dari Republik Filipina, Kamaruddin G. Zaidon.



JOHAN qariah dari Negara Brunei Darussalam, Dayangku Siti Ummi Syazana binti Pengiran Haji Marjuki.

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Khamis, 5 Disember. - Johan qari dan qariah Musabaqah Tilawatil Quran Belia Asia Tenggara Ke-9, Tahun 1441 Hijrah bersamaan 2019 Masihi masing-masing melahirkan rasa syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala setelah dinobatkan menjadi johan bagi pertandingan tersebut.

Johan qari, Kamaruddin G. Zaidon dari Republik Filipina ketika ditemui berkata, beliau telah membuat persiapan bersama mentornya terutama dalam bacaan Al-Quran termasuk anggaran masa yang diberikan dalam pembacaan Al-Quran.

Beliau berharap akan dapat mendalami ilmu bacaan Al-Quran serta meneruskan lagi pembelajaran dalam bacaan Al-Quran agar dapat berpeluang menyertai dalam pertandingan yang akan datang.

Sementara itu, johan qariah, Dayangku Siti Ummi Syazana binti Pengiran Haji Marjuki dari Negara Brunei Darussalam pula berkata, antara persiapan yang dilakukan sebelum menyertai pertandingan adalah menyertai bengkel yang diberikan oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan yang mana bengkel tersebut telah menjemput guru-guru taranum Al-Quran yang berpengalaman.

Selain itu tambahnya, beliau juga menjalani pembelajaran secara persendirian bersama guru-guru yang mahir Al-Quran, di samping belajar bersama abang beliau.

Beliau berharap, kemenangan ini membawa keberkatan dan sebagai titik permulaan bagi mendalami lagi ilmu bacaan Al-Quran serta menyarankan kepada para belia yang lain untuk mendalami bidang Al-Quran dan mempelajarinya secara berguru dan bukan secara sendiri, kerana berguru amat penting dan dari sana kita tahu silap dan salah yang perlu dibetulkan.

# Dipenjara kerana rokok

Siaran Akhbar : Jabatan Kastam dan Eksais Diraja

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Khamis, 5 Disember. - Jabatan Kastam dan Eksais Diraja (JKED) berjaya mematahkan aktiviti penyeludupan rokok sebanyak 1.25 Karton, 11 paket rokok berbagai jenama selepas menahan sebuah kereta di kawasan Jalan Tengah Seria, Kuala Belait kira-kira jam 10.00 malam, semalam.

Penahanan tersebut melibatkan seorang warga kerakyatan Indonesia, Tulus, berusia 35 tahun.

Semasa kejadian tersebut, para pegawai Bahagian Penguatkuasa Undang-Undang JKED berjaya menahan lelaki terbabit dan semua barang yang terlibat dihukum rampas untuk dimusnahkan.

Sehubungan dengan kesalahan berkenaan, suspek dijatuhi hukuman oleh Mahkamah Majistret Kuala Belait, hari ini, atas pertuduhan di bawah Seksyen 146 (1) (d) Perintah Eksais 2006.

Tertuduh mengaku bersalah dan dijatuhi hukuman denda sebanyak BND25,500 atau 13 bulan penjara jika gagal membayar denda.

Bagaimanapun, tertuduh gagal membayar denda tersebut dan dihukum penjara di Maraburong bermula hari ini.



## MINDA PEMBACA

**TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :**

1. **'Semai Gaya Pemakanan Sihat dan Seimbang'.** Tarikh Tutup : **11 Disember 2019**
2. **'Pastikan Keselamatan Kanak-kanak Terjamin'.** Tarikh Tutup : **18 Disember 2019**
3. **'Martabatkan Karya Sastera Negara'.** Tarikh Tutup : **25 Disember 2019**

**TERMA DAN SYARAT :**

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan **15** hingga **40 tahun,** yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak **langkau dua baris** dan panjang pendapat awda mestilah antara **200** hingga **300 patah perkataan.**
3. **Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap** dan **nombor telefon** hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

**SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA**
Bahagian **PELITA BRUNEI**, Jabatan Penerangan
Lapangan Terbang Lama, Berakas
Bandar Seri Begawan, BB3510
Negara Brunei Darussalam atau melalui e-mel :
***pelita.brunei@information.gov.bn***

Menangi **BND75** SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

**Kenali Negara Kitani**



Oleh : Pg. Hajah Fatimah Pg. Haji Md. Noor
Foto : Jabatan Penerangan

# Kampung Sungai Bunga promosi pemprosesan produk kacang soya

PROJEK tunjuk cara pemprosesan membuat makanan berasaskan kacang soya adalah salah satu aktiviti dalam pakej pelancongan yang diungkayahkan oleh Majlis Perundingan Kampung (MPK) Sungai Bunga untuk dijual kepada pelancong-pelancong dalam dan luar negara yang ingin berkunjung ke kampung berkenaan.

Menurut Pemangku Ketua Kampung Sungai Bunga, Awang Haji Zaini bin Haji Salleh, projek ini bermula pada bulan Disember 2018. Pemprosesan makanan berasaskan kacang soya boleh menghasilkan beberapa produk seperti susu kacang soya; Tau-fu-fa; Taufu Telor dan Tauhu.

MPK Sungai Bunga katanya, bersedia membantu kampung-kampung atau mukim-mukim yang berminat untuk belajar khususnya dalam usaha mewujudkan produk untuk kampung iaitu 1 Kampung 1 Produk). Begitu juga belia-belia dan penerima-penerima bantuan bulanan yang berminat untuk meningkatkan sosioekonomi keluarga.

Sejauh ini, menurut Awang Haji Zaini, latihan-latihan sudah diberikan kepada beberapa Ahli-ahli MPK dan biro-biro di kampung-kampung lain seperti Kampung Bukit Sibanging, Kampung Sungai Besar dan Kampung Setia.

"InsyaaAllah jika ada lagi permintaan kampung-kampung lain seperti Kampung Bolkiah dan Kampung Sungai Kebun, MPK Sungai Bunga lebih kepada memberi kursus dan latihan dan menerima tempahan sahaja. Bayaran minima akan dikenakan," katanya.

Awang Haji Zaini, sebelum ini mengongsikan ilmu-ilmu diperolehnya dan mempelajari ilmu asas pemprosesan ini melalui seorang rakan daripada Semenanjung Malaysia dan seorang mantan Pegawai MARA.

"Memandangkan saya ada komitmen lain sebagai Pemangku Ketua Kampung maka saya telah mengambil langkah awal memberi latihan kepada anak-anak dan Ahli MPK," jelasnya.

Beliau juga menyarankan kepada belia-belia yang tidak mempunyai sebarang pekerjaan atau pendapatan tetap supaya menggunakan masa yang terluang untuk mempelajari sebarang kemahiran seperti pemprosesan makanan kerana industri makanan merupakan keperluan yang sentiasa meningkat permintaannya dari masa ke semasa sekalipun berlaku krisis ekonomi. Projek ini boleh dihasilkan secara kecil-kecilan di rumah dengan hanya menggunakan mesin pengisar biasa digunakan di rumah dan hasilnya pun sangat lumayan.

**Perbelanjaan**

Untuk produksi yang lebih besar dan komersial menurut Awang Haji Zaini, maka mesin khas diperlukan. Di antara ciri-ciri khas mesin tersebut ialah pati soya dan ampasnya terasing secara automatik. Harga mesin adalah sekitar BND400 hingga BND800 mengikut saiz.

Mesin automatik susu soya direalisasikan untuk menjual produk, memperkenalkan teknologi canggih, digabungkan dengan penggunaan sebenar, pemprosesan produk kacang soya yang dikembangkan dengan teliti, sesuai dengan standard kebersihan makanan, dan ketahanan teknik pemprosesan yang konsisten dan produknya lebih unggul daripada pengeluaran bengkel tradisional, merangkumi kawasan proses pengeluaran automatik yang kecil, mempunyai kelebihan kecekapan tinggi, penjimatan masa, penggunaan tenaga yang rendah, kelebihan bebas pencemaran, adalah peralatan yang ideal untuk membuat produk kacang sekarang.

**Produk Lain Dihasilkan**

Selain daripada memberikan tunjuk ajar cara-cara pemprosesan membuat makanan berasaskan kacang soya, beberapa projek perkhidmatan pelancongan umpamanya *homestay*, tarikan budaya, produk makanan, ramuan ubatan, pertanian, produk kraf tangan dan ternakan adalah antara yang diusahakan oleh penduduk Kampung Sungai Bunga.

Kerana itulah Kampung Sungai Bunga atau Tanjung Kindana merupakan salah sebuah kampung yang berpotensi untuk menjadi salah sebuah destinasi tarikan pelancong sama ada dari dalam mahupun luar negara.



# Atlet Golf negara mara ke peringkat pusingan kelayakan

**CLARK, REPUBLIK FILIPINA**, Jumaat, 6 Disember. - Gabungan atlet Golf yang sudah berpengalaman ternyata memberikan harapan buat negara apabila mereka berjaya memasuki ke peringkat pusingan kelayakan pada Temasya Sukan Asia Tenggara (Sukan SEA) Kali Ke-30, Republik Filipina, di sini.

Pasukan negara yang dianggotai oleh Awangku Muhd. Syakir bin Pengiran Haji Alli, Awang Mohd. Aritz Maldini bin Haji Abdul Majid dan Awang Zul Hilmi bin Rosli tersebut berada dalam kedudukan ketujuh daripada sembilan buah negara, iaitu Thailand, Republik Singapura, Republik Indonesia, Republik Filipina, Malaysia, Republik Myanmar, Republik Sosialis Viet Nam, Kemboja dan Republik Demokratik Rakyat Lao.

Namun begitu, perlawanan perseorangan lelaki berlangsung di Luisita Golf Club and Country Club, di sini, di mana ketiga-tiga atlet negara menerima kekalahan dalam pusingan ketiga.

Awangku Muhd. Syakir memungut 223 mata dengan kedudukan ke-22 daripada 38; sementara Awang Mohd. Aritz Maldini dalam kedudukan ke-27 daripada 38 dengan mengumpul 232 mata; dan Awang Zul Hilmi di kedudukan ke-31 daripada 38 dengan 236 mata.

Pingat emas diraih oleh Kwang Aik James Low dari Republik Singapura, manakala perak dan gangsa kedua-duanya dirangkul oleh Tanapat Pichaikool dan Nopparat Panichphol dari Thailand.

Semasa perlawanan itu, Pengiran Wirahadikusuma bin Pengiran Haji Mohd. Salleh selaku Jurulatih sukan golf menjelaskan menyentuh mengenai latihan, di mana para atlet menjalankan latihan dalam masa lima bulan bagi mengikuti Temasya Sukan SEA berkenaan, seterusnya menyarankan agar para atlet Golf akan dapat bekerja keras lagi dari segi latihan, selain untuk mempersiapkan diri bagi menyertai sukan pada masa yang akan datang.




AKSI atlet Golf negara semasa perlawanan Golf yang berlangsung di Luisita Golf Club and Country Club, di Republik Filipina, di sini.

Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said



JURULATIH sukan golf, Pengiran Wirahadikusuma bin Pengiran Haji Mohd. Salleh ketika ditemu bual.

# Muhammad Azim tewas kepada peserta Myanmar

Berita dan Foto : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi

**MANILA, REPUBLIK FILIPINA**, Jumaat, 6 Disember. - Skuad atlet Billiards negara masih dalam pemburuan pingat terutama emas menerusi Kategori Men 9-Ball Singles di Temasya Sukan Asia Tenggara (Sukan SEA) Kali Ke-30, Tahun 2019 meskipun tumpas dalam Kategori Men 10-Ball Singles kelmarin.

Kategori Men 9-Ball Singles bermula hari ini di Manila Hotel dengan menyaksikan perlawanan di antara atlet Billiards kita, Muhammad Azim bin Abu Bakar bertemu peserta Myanmar, Phone Myint Kyaw di sini.

Muhammad Azim terpaksa akur dengan keputusan 4 - 9 itu dan berikutan dengan kekalahan itu, negara bergantung kepada seorang lagi atlet Billiards kita, Ahmad Taufiq bin M Murni yang akan bertarung dengan peserta dari Laos, Obmalay pada Ahad ini nanti.

Ahmad Taufiq antara lain berkata, beliau akan sentiasa membuat latihan dan gigih membuat persiapan, di samping memberikan yang terbaik dan setentunya akan dapat membawa pulang pingat demi untuk negara.




AKSI Skuad atlet Billiards negara pada Kategori Men 9-Ball Singles di Temasya Sukan Asia Tenggara (Sukan SEA) Kali Ke-30, Tahun 2019 (atas dan bawah).









## Ikuti empat tip ini untuk adik-adik yang bakal memasuki sekolah menengah!

- **Tetapkan matlamat!** Ini adalah perkara yang cukup penting. Apa yang berlaku pada Tahun 6 perlulah diabaikan sahaja. Kini adik-adik bakal memasuki alam baharu yang lebih mencabar dan yang akan menentukan hala tuju kehidupan adik-adik selepas itu. Adik-adik juga perlu tahu aktiviti kokurikulum mana yang akan dipilih. Walaupun belum muktamad kerana mungkin boleh bertukar selepas itu, adik-adik boleh mencari maklumat awal berkaitan dengannya.
- **Bersedia dari segi fizikal dan mental.** Belajar di sekolah menengah memang mencabar. Ini kerana subjek yang dipelajari di sekolah menengah lagi banyak berbanding di sekolah rendah. Subjek yang banyak itu sudah tentu akan memenatkan badan dan otak. Ini ditambah lagi dengan subjek yang baharu dan sukar. Pasti tekanan akan berbeza berbanding semasa belajar di sekolah rendah dahulu.
- **Sesuaikan diri!** Jadilah seorang pelajar yang matang dan berkeyakinan. Kurangkan sifat keanak-anakan apabila masuk ke sekolah menengah. Guru-guru di sekolah menengah kebiasaannya menganggap para pelajar di sekolah bersifat berdikari dan tidak sesuai dilayan seperti pelajar sekolah rendah. Jadi, elakkan bersikap keanak-anakan di hadapan mereka.
- **Jauhi kumpulan yang bermasalah di sekolah.** Di mana-mana sekolah pun, mungkin ada segolongan pelajar yang sering menimbulkan masalah kepada pihak sekolah. Sekiranya adik-adik melihat kumpulan yang sebegini di sekolah, JAUHI mereka. Tumpukan kepada matlamat awda ke sekolah. Sekiranya awda terpengaruh dengan mereka, diri sendiri yang akan rugi. INGAT, dengan siapa kita bersahabat, itu yang menentukan masa hadapan kita.

Pelita Brunei

# Sukan

## INFO SUKAN

**HARI Bersama Keluarga Syarikat Penerbangan Diraja Brunei (RB) 2019 dan Sukan RB yang berlangsung pada 30 November 2019 di Peak Performance Sdn. Bhd. merupakan satu inisiatif yang dianjurkan oleh syarikat itu untuk membawa kebajikan bersama keluarga RB.**

ePaper Pelita Brunei

# Pulang bersama pingat kemenangan

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas




**MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin memberikan kata-kata semangat dan ucapan tahniah kepada para atlet negara.**




**TEMU bual bersama Hajah Amaliah binti Haji Metali dan Esmawandy binti Brahim yang meraih pingat perak bagi Sukan Boling Padang; Haji Osman bin Haji Yahya, wakil Skuad Boling Padang bagi Kategori Men's Fours yang meraih pingat perak; dan Anisah Najihah binti Abdullah yang meraih pingat gangsa Pencak Silat bagi acara Seni Tunggal Wanita.**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Jumaat, 6 Disember. - Rombongan kedua Kontinjen Negara Brunei Darussalam yang terdiri daripada 13 orang pegawai dan atlet sukan boling padang bersama empat pegawai dan atlet sukan pencak silat kembali ke Negara Brunei Darussalam selepas berada di Filipina bagi menyertai Temasya Sukan Asia Tenggara (Sukan SEA) Ke-30, Filipina 2019.

Berada di Ruang Ketibaan, Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei bagi mengalu-alukan ketibaan kontinjen negara, seterusnya mengalungkan sesandang dan memberikan ucapan tahniah ialah Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin.

Turut hadir, Setiausaha Tetap (Pentadbiran, Kewangan dan Estet) Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), Pengiran Mohammad Amirrizal bin Pengiran Haji Mahmud; Timbalan Setiausaha Tetap (Kebeliaan dan Kesukanan), KKBS, Kolonel (B) Pengiran Haji Maiddin bin Pengiran Haji Said; Pemangku Pengarah Pembangunan Belia dan Sukan, Dayang Zainab binti Haji Morshidi; Pemangku Pengarah Belia dan Sukan, Pengiran Haji Mohd. Azlan bin Pengiran Haji Tengah Omar; juga pegawai-pegawai Jabatan Belia dan Sukan.

Pasukan Boling Padang negara berjaya meraih dua pingat perak bagi acara Women's Pairs dan Men's Fours melalui Esmawandy binti Brahim dan Hajah Amaliah binti Haji Metali juga Bahren bin Abdul Rahman, Mohd. Hazmi bin Haji Idris, Haji Osman bin Haji Yahya dan Haji Amli bin Haji Gafar.

Manakala pasukan pencak silat pula membawa pulang pingat gangsa bagi acara Seni Tunggal Wanita melalui Anisah Najihah binti Abdullah dengan kutipan mata sebanyak 451.

Hajah Amaliah ketika ditemui berkata, di sebalik kekalahan tersebut, beliau dan pasangannya yang beraksi bagi sukan Boling Padang Kategori Women's Pairs melakukan yang terbaik untuk mencuba mendapatkan pingat emas bagi Negara Brunei Darussalam.

"Tetapi sepanjang perlawanan yang menjadi isu kepada semua atlet ialah masalah padang yang tidak begitu selesa dan keadaan cuaca yang tidak menentu," ujarnya lagi.

Manakala seorang lagi atlet sukan Boling Padang bagi Kategori Men's Fours, Haji Osman bin Haji Yahya melahirkan rasa gembira dan syukur kerana sekurang-kurangnya berjaya membawa pingat perak pulang ke tanah air.

Menurutnya, insyaaAllah segala yang diperoleh daripada perlawanan kali ini akan dijadikan pengalaman dan pengajaran untuk di masa akan datang sebagai pembakar semangat menjalani latihan, sekali gus meningkatkan lagi prestasi sukan yang sedia ada.

Bagi Anisah Najihah pula, atlet acara Seni Tunggal Wanita, pingat yang diperoleh adalah pingat pertama beliau melalui Temasya Sukan Asia Tenggara, yang disertainya buat pertama kali.

Beliau berasa amat bersyukur kerana dapat membawa pulang pingat gangsa untuk negara dan segala usaha beliau berbaloi.

## Tahukah Awda

**PADA** tahun 2018, seramai 304 pesakit meninggal dunia akibat kanser dan menurut kajian risiko seumur hidup oleh Pendaftar Kanser Kebangsaan Brunei Darussalam, satu dalam empat kalangan lelaki akan didiagnosis dengan Kanser Malignan sepanjang hayatnya atau kebarangkalian 27 peratus; manakala risiko untuk wanita adalah 29 peratus atau satu dalam tiga kalangan wanita akan didiagnosis dengan sejenis Kanser Malignan sepanjang hayatnya.

Antara jenis kanser dengan kadar tertinggi dalam kalangan lelaki ialah Kanser-kanser Kolorektal, Paru-paru dan Prostat, sementara bagi wanita pula ialah tiga jenis kanser biasa, iaitu Kanser-kanser Payudara, Kolorektal dan Serviks.

**SUMBER** : Pelita Brunei, Edisi Isnin, 2 Disember 2019.

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

**'AL-QURAN PENUNJUK JALAN KEPADA KESEMPURNAAN'**

دتربيتكن اوله جابتن ڤنرا غن، جابتن ڤردان منتري دان دچيتق اوله جابتن ڤرچيتقن كراجأن، نڬارا بروني دارالسلام
Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam